



# PARLIMEN MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
2014

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab  
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab  
Dalam Dewan Rakyat Daripada  
Kementerian**

**HARI RABU : 5 NOVEMBER 2014**

## **KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB**

**LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN**

**(SOALAN NO.7 HINGGA 47 )**

**(JAWAPAN BAGI SOALAN NO.3 DIJAWAB BERSEKALI**

**DENGAN SOALAN NO.27 )**

**NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB  
LISAN YANG DIJAWAB DI DALAM DEWAN (SOALAN NO. 1 HINGGA 6)**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATO' HASBULLAH BIN OSMAN  
[ GERIK ]**

**TARIKH : 5.11.2014**

**SOALAN :**

**Dato' Hasbullah bin Osman [ Gerik ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah tindakan Kementerian terhadap pelajar-pelajar yang tidak bersekolah terutama anak orang Asli di kawasan pedalaman dan apakah usaha yang dilakukan bagi memastikan pelajar yang dibuang sekolah tidak keciciran ilmu serta apakah kelayakan pelajar untuk memasuki sekolah teknikal atau kemahiran.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk memastikan anak orang asli bersekolah dan tidak tercicir daripada persekolahan melalui langkah-langkah berikut:-

- a) Melaksanakan program 'Mari Ke Sekolah' untuk menyemai minat-murid ke sekolah;
- b) Melaksanakan Kurikulum Asli Penan yang memberikan penekanan kepada kehadiran murid dan meningkatkan kemahiran 3M iaitu membaca, menulis dan mengira;

- c) Memberi pendedahan dan melatih guru-guru yang mengajar di sekolah orang asli tentang strategi pengajaran berasaskan budaya orang asli dan peribumi;
- d) Menambah bilangan Sekolah Model Khas Komprehensif (K9) yang mengandungi elemen Pendidikan Asas Vokasional (PAV);
- e) Menaik taraf kelas Kelas Dewasa bagi Ibu Bapa Murid Orang Asli dan Pribumi (KEDAP) 2.0 dengan memperkenalkan subjek Bahasa Inggeris dan ICT;
- f) Membina asrama berpusat; dan
- g) Bekerjasama dengan agensi lain menyediakan prasarana yang lebih kondusif seperti bekalan air bersih, jalan raya, bekalan elektrik dan pengangkutan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tindakan buang sekolah merupakan satu hukuman atas salah laku berat atau kes ponteng sekolah. Walau bagaimanapun, murid yang dibuang sekolah sebenarnya tidak keciciran ilmu sekiranya ibu bapa murid tersebut membuat rayuan kepada Jabatan Pendidikan Negeri untuk bersekolah semula.

Bagi kelayakan kemasukan ke sekolah teknikal atau kemahiran, terdapat 2 kategori pengambilan di buat iaitu lepasan Tahun 6 dan lepasan Tingkatan 3.

1. Lepasn tahun 6 (sekolah rendah) berpeluang memasuki program Pendidikan Asas Vokasional (PAV) di sekolah menengah (tingkatan 1-3) dengan syarat-syarat seperti berikut:
  - Calon adalah warganegara

- Calon telah menduduki UPSR
  - Calon sihat tubuh badan
  - Calon boleh membaca, mengira dan menulis
  - Calon berminat dengan bidang yang dipohon
2. Bagi murid lepasan Tingkatan 3, murid berpeluang memasuki sekolah teknikal atau kemahiran untuk mengikuti kursus Sijil Kemahiran Malaysia (SKM), Diploma Vokasional Malaysia dan Sijil Professional GIATMARA. Antara syarat-syarat umum kemasukan ke program tersebut adalah :
- Calon adalah warganegara Malaysia
  - Calon telah menduduki PMR 2013 atau PT3 mulai 2014
  - Calon sihat tubuh badan
  - Calon bebas daripada sakit kronik

Bagi syarat-syarat khusus kemasukan, boleh dirujuk di laman web Kementerian Pendidikan Malaysia, [www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. TUAN WONG TIEN FATT @ WONG  
NYUK FOH [ SANDAKAN ]**

**TARIKH JAWAPAN : 5 NOVEMBER 2014 (RABU)  
DI DEWAN RAKYAT**

**SOALAN**

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan apakah kadar SAIDI di Sabah pada 2008 – 2014 (terkini), berbanding dengan Sarawak dan Semenanjung Malaysia. Bilakah Kerajaan boleh mengurangkan SAIDI di Sabah selaras dengan Semenanjung Malaysia.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Pada masa kini, kedudukan prestasi pembekalan elektrik di Semenanjung, Sabah dan Sarawak boleh dikatakan bertambah baik berbanding tahun-tahun sebelumnya. Ini dapat dilihat melalui pengurangan catatan *System Average Interruption Duration Index* (SAIDI) (sehingga 21 September 2014) yang meliputi ketiga-tiga negeri tersebut seperti berikut:

- i. Di Semenanjung, ia menurun kepada 41.48 minit/pelanggan pada tahun 2014 berbanding 87.3 minit/pengguna pada tahun 2008;
- ii. Di Sabah, ia menurun kepada 696.87 minit/pelanggan\* pada tahun 2014 berbanding 1,856 minit/pengguna pada tahun 2008; dan
- iii. Di Sarawak, ia menurun kepada 100 minit/pelanggan\*\* pada tahun 2014 berbanding 273 minit/pengguna pada tahun 2008.

1. Sungguhpun keadaan gangguan bekalan masih berlaku di Sabah, kedudukan prestasi pembekalan elektrik pada masa kini kian bertambah baik berbanding tahun-tahun sebelumnya. Perancangan pembekalan elektrik di seluruh negara, khususnya di negeri Sabah merupakan suatu komitmen yang menyeluruh dan berterusan oleh pihak Kerajaan dalam usaha untuk mempertingkatkan tahap kebolehharian pembekalan elektrik dan dalam masa yang sama memastikan bekalan elektrik yang berkualiti dapat dibekalkan pada kadar yang berpatutan kepada pengguna-pengguna.

2. Melalui usaha dan bantuan Kerajaan yang berterusan, Kerajaan yakin pencapaian SAIDI bagi tahun-tahun akan datang akan mula bertambah baik dengan pencapaian SAIDI yang setanding dengan kawasan-kawasan lain di Semenanjung dan Sarawak. Adalah diharapkan dengan terlaksananya semua pelan pembangunan ini maka sistem penjanaan, penghantaran serta pembahagian akan menjadi utuh dan berdaya harap di dalam membekalkan tenaga elektrik berterusan kepada pengguna-pengguna di negeri Sabah dan WP Labuan.

**Nota:**

*\*termasuk kejadian gangguan bekalan elektrik pada 17 Januari 2014 yang memberi implikasi SAIDI Sabah sebanyak 254.62 minit/pengguna/tahun.*

**\*\* data SAIDI Sarawak sehingga 30 Jun 2014**

\*\*\*\*\*

**NO. SOALAN: 9**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' WIRA MOHD JOHARI BIN BAHAROM  
[ KUBANG PASU ]**

**TARIKH : 5 NOVEMBER 2014**

**RUJUKAN : 7182**

**SOALAN:**

**Dato' Wira Mohd Johari bin Baharom [ Kubang Pasu ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengenai mewartakan penyalahgunaan daun ketum di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952. Sekiranya ia telah diwartakan nyatakan jumlah tangkapan dan pencegahan telah dibuat oleh KDN dan berapakah bilangan mereka yang terlibat dan apakah denda/hukuman yang telah dikenakan.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang DiPertua,**

**Kesalahan berkaitan daun ketum ketika ini diambil tindakan di bawah Akta Racun 1952 dan hasil daripada perbincangan antara Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Kementerian Kesihatan telah bersetuju agar daun ketum ini dimasukkan di bawah Jadual Pertama, Akta Dadah Berbahaya 1952.**

**Bagi melaksanakan langkah jangka pendek, YB Menteri Kesihatan telah menandatangani warta bagi meminda Jadual Pertama Akta Dadah Berbahaya 1952 pada 19 Ogos 2014 dan warta tersebut telah dikemukakan ke Jabatan Peguam Negara untuk tujuan perwartaan.**

**Pihak Jabatan Peguam Negara memutuskan agar cadangan meminda Jadual Pertama dan beberapa peruntukan di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 dibuat secara serentak dan dibentang di Parlimen.**

**Ketika ini tindakan ke atas aktiviti penyalahgunaan ketum termasuk mengimport, mengeksport, menjual, memproses dan lain-lain berkaitan bahan tersebut, pihak Polis masih mengambil tindakan di bawah Sek. 30(3) Akta Racun 1952. Di bawah seksyen ini, jika disabitkan kesalahan seseorang itu boleh**

**dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM10,000 atau penjara tidak melebihi 4 tahun atau kedua-duanya sekali.**

**Statistik tangkapan dan rampasan mengikut tahun yang melibatkan kesalahan daun ketum seperti berikut:-**

- i) Pada tahun 2011 sejumlah 1,224 orang telah di tangkap melibatkan rampasan seberat 2881 kilogram daun ketum dan 89,967 liter cecair daun ketum.**
- ii) Pada tahun 2012 sejumlah 1,445 orang telah ditangkap melibatkan rampasan seberat 5,218 kilogram daun ketum dan 34,719 liter cecair daun ketum.**
- iii) Pada tahun 2013 sejumlah 1,708 orang telah ditangkap melibatkan rampasan seberat 7,866 kilogram daun ketum dan 36,865 liter cecair daun ketum.**
- iv) Pada tahun 2014 (Januari - Ogos) sejumlah 1,698 orang telah ditangkap melibatkan rampasan seberat 8,130 kilogram daun ketum dan 38,975 liter cecair daun ketum.**

**Semakan oleh PDRM mendapati tiada pesalah yang dijatuhkan hukuman penjara atas kesalahan berkaitan daun ketum dan hanya dikenakan denda bernilai di antara RM1,000.00 hingga RM3,000.00 oleh Mahkamah.**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI  
[ BUKIT BENDERA ]**

**TARIKH : 5.11.2014**

**SOALAN :**

Tuan Zairil Khir Johari [ Bukit Bendera ] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status terkini pelaksanaan projek 1BestariNet, jumlah sekolah yang sudah dilengkapi dengan jalur lebar berkelajuan tinggi serta jumlah pelajar yang aktif menggunakan sistem tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga 17 September 2014, sebanyak 8,886 buah sekolah telah dirangkaikan dengan rangkaian 1BestariNet. Daripada segi penggunaan pula, pada tahun 2014, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mensasarkan sebanyak 30% murid mengaktifkan ID *Virtual Learning Environment* (VLE) menggunakan laman pembelajaran sekurang-kurangnya 30 minit setiap minggu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dapatan dari *dashboard* pemantauan KPI dari 5 hingga 11 September 2014 menunjukkan daripada 137,237 murid yang mendaftar masuk ke VLE dalam tempoh tersebut, 76,096 orang (55%) telah menggunakannya lebih daripada 30 minit seminggu.

**SOALAN NO: 11**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' AR. WAN MOHAMMAD KHAIR-IL**  
**ANUAR BIN WAN AHMAD [ KUALA KANGSAR ]**  
**TARIKH : 05 NOVEMBER 2014**  
**SOALAN :**

**YB Dato' Ar. Wan Mohammad Khair-il Anuar bin Wan Ahmad [ Kuala Kangsar ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah perancangan Kerajaan untuk membesar dan menaiktarafkan hospital di pekan-pekan kecil khususnya bandar-bandar diraja seperti Kuala Kangsar memandangkan keperluan dan permintaan yang amat mendesak.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa memantau kemudahan-kemudahan kesihatan termasuk kemudahan hospital yang disediakan di seluruh negara bagi memastikan ia dapat menampung keperluan penduduk setempat.

Keperluan bagi pembinaan sesebuah hospital baru atau naiktaraf hospital sedia ada adalah berdasarkan kepada pelbagai faktor termasuk kepadatan

penduduk, kemudahan kesihatan/hospital sedia ada, akses kepada kemudahan sedia ada, penyediaan perkhidmatan/kepakaran baru dan lain-lain.

Sehingga tahun 2012, data bancian penduduk di Kuala Kangsar menunjukkan bilangan penduduk di Kuala Kangsar seramai 162,100 orang. Sehubungan itu, bagi mengatasi masalah kesesakan yang dihadapi selain bagi meningkatkan mutu perkhidmatan di hospital tersebut beberapa langkah telah diambil. Dalam RMK-9, sebanyak tiga (3) projek telah dilaksanakan. Projek membina klinik pakar perubatan & pakar kanak-kanak serta jurupulih carakerja, Hospital Kuala Kangsar dengan kos projek sebanyak RM1,988,110.96 dan telah siap serta beroperasi pada tahun 2010. Selain itu, KKM juga telah melaksanakan kerja-kerja menaiktaraf sistem bekalan air dan sistem rawatan air kumbahan di Hospital Kuala Kangsar dengan kos melebihi RM2 juta.

Di samping itu, KKM telah mengemukakan permohonan bagi menaiktaraf unit kecemasan & trauma di hospital ini dalam *Rolling Plan 4* (2015) dan sedang menunggu kelulusan daripada Unit Perancang Ekonomi (EPU). Projek ini sekiranya diluluskan akan dapat mengurangkan kesesakan yang dihadapi di Jabatan Kecemasan di samping dapat meningkatkan mutu perkhidmatan kecemasan di Hospital Kuala Kangsar.

Bagi perancangan jangka masa panjang, KKM sedang mengkaji cadangan bagi menaiktaraf perkhidmatan di Hospital Kuala Kangsar bagi menjadikannya sebuah Hospital Pakar Minor yang akan dilaksanakan secara berperingkat.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SIM CHEE KEONG [BUKIT MERTA JAM]**

**TARIKH : 5 NOVEMBER 2014**

**RUJUKAN : 7184**

**SOALAN:**

**TUAN SIM CHEE KEONG [ BUKIT MERTA JAM ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kos pembinaan dan infrastruktur bagi setiap satu lokap berpusat di seluruh negara, kontraktor yang terlibat serta kelengkapan asas yang ada di situ.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini terdapat 5 lokasi lokap berpusat telah dibina dan beroperasi di bawah kawalan PDRM. Maklumat lengkap 5 lokap berpusat adalah seperti berikut:-

<b>Bil</b>	<b>Nama Projek</b>	<b>Kos Projek (RM)</b>	<b>Jumlah sel/Kapasiti</b>	<b>Peralatan/Kelengkapan disediakan</b>
<b>1</b>	<b>Lokap Berpusat Junjang, Kuala Lumpur</b>  <b>(digunakan oleh IPK KL, IPD Sentul serta IPD yang berdekatan dengan IPD sentul)</b>	<b>21,917,955.50</b>  <b>Telah siap dan digunakan mulai 1 Julai 2011</b>	<b>83 sel / 500 OKT</b>	<b>Disediakan dengan kelengkapan seperti CCTV, <i>intercom system</i>, sistem kunci mekanikal serta ruang seperti Ruang Pemeriksaan L/P, Ruang Black Maria, Bilik Peguam, Bilik Mahkamah, Bilik Rawatan, Bilik Kawad Cam, Bilik Transit, Ruang Makan, Bilik Mesyuarat dan Bilik Taklimat.</b>

2	<p>Lokap Berpusat Bayan Baru, Pulau Pinang</p> <p>(Digunakan oleh IPK Pulau Pinang, IPD Barat Daya dan IPD berdekatan dengan IPD Barat Daya)</p>	<p>30,000,000.00</p> <p>Telah siap pada 2008</p>	<p>63 sel/500 OKT</p>	<p>Disediakan dengan kelengkapan seperti CCTV, <i>intercom system</i>, sistem kunci mekanikal serta ruang seperti Ruang Pemeriksaan L/P, Ruang Black Maria, Bilik Peguam, Bilik Mahkamah, Bilik Rawatan, Bilik Kawad Cam, Bilik Transit, Ruang Makan, Bilik mesyuarat dan Bilik Taklimat.</p>
3	<p>Lokap Berpusat, Shah Alam, Selangor,</p> <p>(digunakan oleh IPK Selangor, IPD Shah Alam dan IPD yang berdekatan dengan IPD Shah Alam).</p>	<p>20,675,800.00</p> <p>Telah siap dan digunakan mulai 30 Jun 2010</p>	<p>85 sel/500 OKT</p>	<p>Disediakan dengan kelengkapan CCTV, <i>intercom system</i>, sistem kunci mekanikal serta ruang seperti ruang pemeriksaan L/P, Ruang Black Maria, Bilik Peguam, Bilik Mahkamah, Bilik Rawatan, Bilik Kawad Cam, Bilik Transit, Ruang Makan, Bilik Mesyuarat dan Bilik Taklimat.</p>

4	<p><b>Lokap Berpusat Indera Mahkota, Kuantan, Pahang</b></p> <p>(digunakan oleh IPK Pahang, IPD Kuantan dan IPD yang berdekatan dengan IPD Kuantan).</p>	<p><b>36,936,000.00</b></p> <p><b>9 Oktober 2012</b></p>	<p><b>82 sel/500 OKT</b></p>	<p>Disediakan dengan kelengkapan seperti CCTV, <i>intercom system</i>, sistem kunci, sistem kunci mekanikal serta ruang seperti ruang pemeriksaan L/P, Ruang Black Maria, Bilik Peguam, Bilik Mahkamah, Bilik Rawatan, Bilik Kawad Cam, Bilik Transit, Ruang Makan, Bilik Mesyuarat dan Bilik Taklimat.</p>
5	<p><b>Lokap Berpusat Kota Kinabalu, Sabah</b></p> <p>(digunakan oleh IPK Sabah, IPD Kota Kinabalu dan IPD yang berdekatan dengan IPD Kota Kinabalu).</p>	<p>Telah siap pada 19 Mac 2013</p> <p>16/7/2007-25/1/2009</p>	<p><b>34 sel/150 OKT</b></p>	<p>Disediakan dengan kelengkapan seperti CCTV, <i>intercom system</i>, sistem kunci, sistem kunci mekanikal serta ruang seperti ruang pemeriksaan L/P, Ruang Black Maria, Bilik Peguam, Bilik Mahkamah, Bilik Rawatan, Bilik Kawad Cam, Bilik Transit, Ruang Makan, Bilik Mesyuarat dan Bilik Taklimat.</p>

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG  
[SIBUTI]**

**TARIKH : 5 NOVEMBER 2014 (RABU)**

**SOALAN :**

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [ Sibuti ] minta MENTERI  
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT  
menyatakan :-**

- (a) apakah usaha pihak kerajaan untuk meningkatkan kesedaran masalah kanak-kanak Autisme di kalangan ibu bapa di luar bandar; dan**
- (b) apakah langkah yang diambil untuk memperluaskan khidmat dan bantuan kepada keluarga yang mempunyai kanak-kanak Austime.**

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

- a. Kanak-kanak Autisme didaftarkan sebagai orang kurang upaya (OKU) di bawah kategori masalah pembelajaran oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mengikut Seksyen 21 Akta Orang Kurang Upaya 2008. JKM telah menggunakan beberapa kaedah untuk meningkatkan kesedaran tentang masalah kanak-kanak autisme di kalangan ibu bapa termasuk di kawasan luar bandar menerusi program-program *outreach* seperti berikut:
  - i. penerangan semasa Kempen Pendaftaran Orang Kurang Upaya (OKU);
  - ii. khidmat nasihat di 108 Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah;
  - iii. rujukan kes kepada pakar pegawai perubatan di daerah atau klinik kesihatan;
  - iv. penerangan oleh pihak pertubuhan sukarela kebajikan yang berdaftar di bawah JKM; dan
  - v. penerangan berkaitan jenis-jenis perkhidmatan kepada OKU menerusi laman web JKM ([www.jkm.gov.my](http://www.jkm.gov.my)).

Selain KPWKM, Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pendidikan juga menyalurkan pelbagai bantuan dan penerangan kepada ibu bapa kanak-kanak autisme.

Tuan Yang Dipertua,

- b. Bagi keluarga yang mempunyai anak OKU termasuk autisme, JKM telah menyalurkan pelbagai perkhidmatan pemulihan menerusi Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK). Untuk makluman, PDK merupakan salah satu program pemulihan dan intervensi awal yang melibatkan pembabitian secara aktif ibu bapa / penjaga ahli keluarga golongan OKU dan komuniti setempat untuk membantu OKU hidup berdikari dan diintegrasikan ke dalam masyarakat. Hingga tahun 2014, terdapat sebanyak 508 buah PDK di seluruh negara.

Selain itu, satu lagi program langkah intervensi awal oleh KPWKM adalah penubuhan TASKA OKU pada tahun 2013 dan salah sebuah daripada TASKA OKU tersebut dikhususkan kepada kanak-kanak autisme. Dalam hal ini, KPWKM telah bekerjasama dengan Persatuan Autisme SibU untuk membuka TASKA Autisme

di Sibu, Sarawak dengan peruntukan awal kerajaan sebanyak RM500,000.

Selain agensi kerajaan, pertubuhan sukarela kebajikan juga menyediakan program intervensi awal kepada kanak-kanak autisme termasuk ahli keluarga. Sebagai contoh, Persatuan Kebangsaan Autisme Malaysia (NASOM) membantu individu autistik ke arah kehidupan yang lebih berdikari dan bermakna. Pada masa ini, terdapat 19 buah pusat NASOM di seluruh negara yang mana 16 buah pusat tersebut menyediakan program pendidikan awal manakala bakinya (3 buah pusat) menyediakan latihan vokasional kepada individu autistik. Dalam hal ini, pihak Kerajaan telah memperuntukkan geran sebanyak RM656,880 kepada NASOM pada tahun 2013.

Tuan Yang Dipertua,

Sukacita dimaklumkan bahawa sebuah pusat pembelajaran awal kepada kanak-kanak autisme iaitu Pusat Permata Kurnia di bawah Permata Negara akan dibuka di Sentul, Kuala Lumpur bagi memenuhi keperluan kanak-kanak autisme dan keluarga mereka. Pembinaan pusat ini telah bermula pada bulan Ogos 2013 dan

dijangka siap pada bulan Februari 2015. Pusat ini akan menyediakan program intervensi awal secara komprehensif. Inisiatif ini akan mengurangkan beban keluarga yang mempunyai anak autisme.

Pusat Permata Kurnia yang dibiayai oleh kerajaan persekutuan akan menawarkan tiga jenis perkhidmatan termasuk program intervensi sepenuh masa untuk 100 hingga 150 orang kanak-kanak yang berusia antara 4 hingga 6 tahun. Perkhidmatan intervensi sokongan keluarga untuk mempelajari teknik intervensi yang boleh diaplikasi di rumah juga akan disediakan oleh pusat ini selain program latihan kepada pendidik, ahli terapi, ibu bapa dan orang ramai yang merangkumi pelbagai aspek autisme.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN LIM LIP ENG [ SEGAMBUT ]**

**TARIKH : 5.11.2014**

**SOALAN :**

Tuan Lim Lip Eng [ Segambut ] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan punca Universiti Johns Hopkins menamatkan kontrak dengan Sekolah Graduan Perubatan Universiti Perdana, status terkini, berapa pelajar terlibat, biasiswa yang dibayar, jumlah yuran yang telah dibayar oleh Kerajaan dan adakah tindakan undang-undang terhadap atau diambil oleh Universiti Johns Hopkins.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perjanjian kolaborasi di antara Universiti Perdana dan Universiti Johns Hopkins merupakan *business to business arrangement*. Penamatan kolaborasi antara Universiti Perdana dan Universiti Johns Hopkins adalah disebabkan oleh pertikaian berhubung dengan jumlah bayaran yang dikenakan oleh Universiti Johns Hopkins kepada Universiti Perdana. Memandangkan tiada penyelesaian dan persetujuan dapat dicapai oleh kedua-dua pihak berkaitan perkara ini, Universiti Johns Hopkins memutuskan untuk tidak meneruskan usaha sama dengan Universiti Perdana bermula 31 Julai 2014.

Bilangan pelajar yang mengikuti pengajian di Universiti Perdana adalah

seramai 79 orang dengan **jumlah pelajar yang ditaja oleh Jabatan Perkhidmatan Awam** di Universiti Johns Hopkins adalah seramai 77 orang, melibatkan pelajar kemasukan tahun 2011, 2012 dan 2013. Manakala, dua (2) orang adalah pelajar antarabangsa di bawah tajaan persendirian (*self sponsored*). Sehingga tahun 2013, sejumlah RM32.69 juta telah dibelanjakan bagi membiayai pelajar berkenaan. Sehingga kini, tiada sebarang tindakan undang-undang terhadap atau diambil oleh Universiti Johns Hopkins.

RJM91

**NO. SOALAN : 15**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. DATUK WEE JECK SENG  
[ TANJONG PIAI ]**

**TARIKH : 5 NOVEMBER 2014**

**SOALAN :**

**YB. Datuk Wee Jeck Seng [ Tanjong Piai ]** minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan statistik bilangan pelancong dari dalam dan luar Malaysia dan negara asal mereka yang melawat ke pulau-pulau peranginan di seluruh Malaysia pada tahun 2012 hingga terkini.

**JAWAPAN :     DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan maklumat daripada Jabatan Taman Laut Malaysia di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, jumlah pelancong yang melawat pulau-pulau peranginan di Semenanjung Malaysia adalah seramai **689,678 orang** pada tahun 2013 berbanding dengan seramai **626,605 orang** pada tahun 2012 iaitu peningkatan sebanyak **10.1 peratus**. Daripada jumlah tersebut, **64.1 peratus** adalah merupakan pelancong domestik dan **35.9 peratus** adalah pelancong asing. Butiran terperinci mengenai negara asal para pelancong tidak dapat diperolehi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN  
[ SELAYANG ]**

**TARIKH : 5 NOVEMBER 2014**

**RUJUKAN : 7180**

**SOALAN:**

**Tuan William Leong Jee Keen [ Selayang ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan tindakan yang diambil bagi menyekat sebaran pengaruh kumpulan Negara Islam di Iraq dan al-Sham (ISIS) dalam negara ini dan tindakan undang-undang yang diambil terhadap mereka yang terlibat dalam aktiviti ISIS.**

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

**Kementerian melalui Polis Di Raja Malaysia (PDRM) telah dan sedang menjalinkan kerjasama yang rapat dengan agensi risikan asing untuk menyekat pengaruh kumpulan pengganas ini dari menular di dalam negara. Kerjasama ini termasuklah melalui kerjasama berterusan di samping pertukaran maklumat risikan dengan agensi-agensi keselamatan negara luar, khususnya negara-negara ASEAN.**

**Di antara platform undang-undang yang boleh diambil terhadap mereka yang terlibat dalam aktiviti kumpulan pengganas ini adalah dibawah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah- Langkah Khas) 2012, Kanun Keseksaan 1950, Akta Pencegahan Penggubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 (AMLATFA) dan Akta Pertubuhan 1966.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK ZAHIDI BIN ZAINUL ABIDIN**  
**[ PADANG BESAR ]**  
**TARIKH : 5 NOVEMBER 2014**  
**SOALAN :**

**YB Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [ Padang Besar ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah-langkah dan strategi yang diambil bagi memperkenalkan industri Pelancongan Kesihatan di luar negara secara agresif sebagai sebuah industri pelancongan eksklusif dan bernilai tinggi yang dapat menyumbang pendapatan kepada Kerajaan dan pengusaha hospital tempatan.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Kesihatan Malaysia melalui Malaysia Healthcare Travel Council (MHTC) melaksanakan pelbagai inisiatif untuk menempatkan Malaysia sebagai destinasi pelancongan kesihatan pilihan di rantau ini. Pelbagai aktiviti promosi dan pemasaran yang rancak dijalankan di negara-negara sasaran termasuk Indonesia, China, Hong Kong, Jepun, Bangladesh, Myanmar, Cambodia, Vietnam, Oman, Emiriyah Arab Bersatu, United Kingdom, Kazakhstan dan Australia.

Salah satu pendekatan yang dilaksanakan adalah menjalinkan perhubungan dan persepakatan dengan pejabat-pejabat Misi Malaysia di luar negara serta pihak Kerajaan dan swasta di negara sasaran. Antaranya ialah Kedutaan Malaysia, Tourism Malaysia, Perbadanan pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE), Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), agensi pelancongan dan pengembaraan, fasilitator-fasilitator pelancongan kesihatan, agensi insurans, institusi kewangan dan hospital-hospital negara sasaran.

Untuk memperluaskan kesedaran mengenai perkhidmatan kesihatan di Malaysia, MHTC menyertai pameran antarabangsa di negara-negara sasaran, menyampaikan ucapan dan pembentangan di persidangan antarabangsa, serta menganjurkan pameran untuk pasaran pengguna dan sesi rangkaian *perhubungan (networking session)* dengan pihak-pihak berkepentingan.

MHTC juga menganjurkan Lawatan Pengenalan (*Familiarisation Visit*) untuk pihak-pihak berkepentingan luar negara yang berpotensi untuk menjalinkan hubungan perniagaan. Program ini bertujuan memperkenalkan kemudahan dan perkhidmatan kesihatan di samping menyediakan platform perhubungan di antara delegasi dan pihak hospital Malaysia. Kempen perhubungan awam (public relations) dan publisiti melalui media massa antarabangsa juga dilaksanakan sebagai usaha untuk meningkatkan visibiliti Malaysia sebagai destinasi pelancongan kesihatan.

## **Tuan Yang di-Pertua,**

Selain daripada strategi promosi dan pemasaran, MHTC juga memudahkan ketersediaan maklumat mengenai perkhidmatan kesihatan di Malaysia melalui laman sesawang (web portal) yang interaktif, perkhidmatan pusat panggilan (call centre), perkhidmatan pusat maklumat (medical concierge) di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur dan Lapangan terbang Antarabangsa Pulau Pinang.

MHTC juga membangunkan pakej-pakej pelancongan perubatan yang menarik untuk pesakit yang berpotensi mahupun untuk kegunaan ejen-ejen pelancongan yang berminat untuk menawarkan sebagai produk khusus kepada klien mereka. Kemudahan-kemudahan jagaan kesihatan swasta juga digalakkan memperkembangkan perkhidmatan yang ditawarkan dan mendapatkan akreditasi kesihatan untuk memastikan kualiti perkhidmatan kesihatan terpelihara serta mewujudkan keyakinan pesakit-pesakit warga asing dan pihak berkepentingan.

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Dato' Mohd Ariff Sabri bin Abdul Aziz**  
**[ Raub ]**

**TARIKH : 5 November 2014**

**SOALAN : Dato' Mohd Ariff Sabri bin Abdul Aziz [ Raub ]**  
**minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS**  
**TANI menyatakan :-**

- a) apakah peranan sebenarnya agensi seperti FAMA;  
dan
- b) apakah langkah yang akan diambil oleh pihak Kementerian untuk mengelak dakwaan FAMA menjadi pengganti orang tengah dengan membeli murah dan menjual mahal.

**JAWAPAN :**

**Tuan Yang Dipertua,**

- a) FAMA ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan 1965 (Akta 141) iaitu suatu Akta untuk memperbadankan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan untuk menyelia, menyelaras, mengawal selia dan memajukan

pemasaran keluaran pertanian di Malaysia termasuk pengimportan dan pengeksporan keluaran pertanian.

- b) Kementerian telah mengambil beberapa langkah bagi mengelakkan dakwaan tersebut. Antaranya adalah seperti berikut:
- (i) Pelaksanaan program Ladang Kontrak iaitu perjanjian jualbeli antara FAMA dengan petani ditandatangani sebagai persetujuan bersama di mana petani ditawarkan dengan pilihan harga tetap atau harga pasaran. Sebenarnya harga tetap atau harga lantai yang ditawarkan adalah melebihi kos pengeluaran tanaman tersebut; dan
  - (ii) Menggalakkan petani menjual terus hasil mereka ke outlet-outlet yang sedang beroperasi seperti Pasar Tani, Gerai Buah-Buahan Segar, Agro Bazaar Kedai rakyat dan lain-lain lagi. Dengan ini petani akan memasarkan hasil pertanian mereka sendiri dan seterusnya mendapat pulangan yang lebih tinggi.

**NO. SOALAN: 19**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK AARON AGO ANAK DAGANG  
[ KANOWIT ]**

**TARIKH : 5 NOVEMBER 2014**

**RUJUKAN : 7181**

**SOALAN:**

**Datuk Aaron Ago anak Dagang [ Kanowit ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kes judi haram yang telah dikesan dan diambil tindakan setiap tahun dan keberkesanan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan bagi menghapuskan masalah judi haram ini seperti judi cyber (monkey) dan lain-lain yang menjadi masalah besar di bandar dan pekan-pekan kecil di negara ini.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Pihak PDRM, khususnya Jabatan Siasatan Jenayah amat peka dan sensitif kepada isu-isu berkaitan perjudian haram terutama yang melibatkan “cybercafé” di seluruh negara. Jabatan ini sentiasa memantau dan menjalankan operasi secara terancang dan berterusan dalam menangani masalah ini. Beberapa langkah baru yang diambil oleh pihak PDRM untuk mengesan serta membanteras kegiatan yang dijalankan oleh orang-orang perseorangan dan juga sindiket yang boleh menjejaskan imej negara. Antara langkah-langkah yang dijalankan ialah:-**

- i) Memperhebatkan tindakan tegas pembenterasan kegiatan mesin perjudian berkomputer (Op Dadu Khas) dengan tumpuan dan skala yang lebih besar di seluruh negara.**
  
- ii) Kementerian dalam perancangan untuk menubuhkan pasukan khas di peringkat Bukit Aman bagi membasmi masalah perjudian secara lebih berkesan. Penubuhan pasukan khas dengan kekuatan seramai 200 pegawai dan 30 kakitangan awam akan membuat serbuan dan pemeriksaan pusat-pusat yang menganjurkan perjudian di seluruh negara. Pasukan Khas yang dikenali sebagai Skwad Taktikal Khas 3 (Perjudian, maksiat dan kongsi**

gelap) dijangka akan akan mula beroperasi pada bulan Disember nanti.

- iii) Pihak Kementerian telah menyediakan satu nota makluman dalam mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri tentang keperluan tindakan bersepadu antara Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dengan pihak PDRM untuk mengekang kegiatan perjudian memandang pihak PBT mempunyai budi bicara bagi meluluskan dan membatalkan premis dan lesen untuk perniagaan “cybercafé” di kawasan pentadbiran masing-masing.
- iv) Kerjasama dengan pihak Tenaga Nasional Nerhad (TNB) dan pihak pembekal air akan dipertingkatkan lagi untuk tindakan pemotongan bekalan elektrik dan bekalan air terhadap premis yang degil dan masih mengulangi kesalahan yang sama.
- v) Pihak Kementerian sedang mengkaji tindakan alternatif akan diambil di bawah Undang-Undang Pencegahan Jenayah (POCA) jika tiada keterangan yang kukuh untuk dituduh di Mahkamah terhadap individu atau sindiket yang mengajurkan perjudian haram.

**Statistik jumlah Kertas Siasatan dan pertuduhan kes-kes mesin perjudian bagi tempoh tahun 2013 dan 2014 (JANUARI - OGOS) adalah seperti berikut:**

KONTINJEN	JUMLAH KES		TUDUH / JATUH HUKUM				DNA / DNAA / NFA / KUS		DALAM SIASATAN / PAKAR	
			SEK 4B ARJT 1953		SEK.5(2) ENAKMEN HIBURAN					
	2013	JAN-OGOS 14	2013	JAN-OGOS 14	2013	JAN-OGOS 14	2013	JAN-OGOS 14	2013	JAN-OGOS 14
K/LUMPUR	636	821	122	0	34	216	52	86	428	519
SELANGOR	1775	2444	1045	491	38	101	60	92	632	1316
JOHOR	451	134	1	0	282	40	17	20	151	74
P/PINANG	424	393	0	0	209	219	10	8	205	227
PERAK	408	296	36	10	32	16	1	4	339	266
SABAH	239	218	28	21	11	9	0	1	200	187
PERLIS	1	0	0	0	0	0	0	0	1	0
KEDAH	747	366	364	0	0	199	111	1	272	166
N/SEMBILAN	212	175	1	0	77	47	68	32	66	106
MELAKA	157	180	0	13	39	16	0	19	118	132
PAHANG	498	476	104	122	36	57	57	32	301	265
TERENGGANU	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
KELANTAN	0	2	0	2	0	0	0	0	0	2
SARAWAK	315	532	0	140	75	0	8	0	232	392
<b>JUMLAH</b>	<b>5863</b>	<b>6037</b>	<b>1701</b>	<b>799</b>	<b>833</b>	<b>920</b>	<b>384</b>	<b>295</b>	<b>2945</b>	<b>3652</b>

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY [BACHOK]**  
**TARIKH : 5 NOVEMBER 2014 (RABU)**  
**SOALAN : Tuan Ahmad Marzuki bin Shaary minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan apakah tindakan yang berkesan Kementerian dalam mengatasi kecetekan muara Sungai Kemasin yang dulunya menjadi tempat pendaratan utama ikan di kawasan Bachok. Berapakah kes kemalangan melibatkan bot nelayan akibat kecetekan dan anggaran kerugian semenjak tahun 2000 hingga kini.**

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Walau pun isu kecetekan muara sungai ini melibatkan nelayan, namun ia adalah merupakan isu di bawah bidang kuasa Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar. Isu kecetekan muara Sungai Kemasin ini juga telah seringkali dibincangkan di dalam Mesyuarat Tindakan Daerah dan Mesyuarat Pembangunan Pertanian Parlimen Kawasan Bachok, Kelantan. Pada Julai 2007, Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah melaksanakan Projek Pelebaran Dan Pembinaan Semula Struktur Pemecah Ombak Termasuk

Kerja-Kerja *Beach Nourishment* Serta Mendalamkan Muara Sungai Kemasin Sehingga Ke Pengkalan Petah Di Bachok, Kelantan. Projek tersebut telah dijalankan secara berfasa di mana di dalam Fasa 1, ia melibatkan kerja-kerja mendalamkan muara Sungai Kemasin, membaikpulih pantai, kerja-kerja perlindungan tebing Sungai Kemasin, pembinaan jeti dan pembinaan groin. Kos keseluruhan projek berjumlah RM59,238,089 dengan kos perbelanjaan kerja-kerja mendalamkan muara Sungai Kemasin dianggarkan sebanyak RM6,435,000. Projek tersebut telah siap pada 30 Julai 2010.

Sejak tahun 2000 hingga kini, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah merekodkan 5 kes kemalangan yang melibatkan kerugian sebanyak RM1,122,300 akibat kecetekan muara Sungai Kemasin. Kementerian melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) telah menyalurkan bantuan berjumlah RM5,000 kepada setiap nelayan yang terlibat dengan menggunakan peruntukan daripada Tabung Bencana Nelayan yang diwujudkan bermula pada tahun 2009 bagi meringankan beban nelayan. Kementerian berharap usaha untuk mendalamkan muara Sungai Kemasin ini dapat diberi perhatian oleh pihak berwajib.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN HAJAH NORMALA BINTI ABDUL SAMAD  
[PASIR GUDANG]**

**TARIKH : 5 NOVEMBER 2014 (RABU)**

**SOALAN :**

**Puan Hajah Normala Binti Abdul Samad minta MENTERI  
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**  
menyatakan apakah program yang telah dilaksanakan oleh Kementerian  
dalam memperluaskan peluang yang saksama kepada wanita dalam  
bidang pekerjaan, sosial, ekonomi dan politik serta sejauh manakah  
keberkesanan program-program ini.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menyediakan pelbagai program untuk membantu wanita menikmati peluang yang saksama dengan kaum lelaki terutama dari segi ekonomi dan sosial.

### **KEUSAHAWANAN DAN PEKERJAAN**

Contohnya, inisiatif dan program berikut telah meningkatkan peluang keusahawanan dan pekerjaan bagi wanita:

#### **a) Program Usahawan Wanita**

Di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara Meningkatkan Taraf Hidup Isi Rumah Berpendapatan Rendah, kerajaan telah mensasarkan untuk melatih dan melahirkan usahawan wanita dengan pendapatan bulanan sebanyak RM3,500. Program ini dilaksanakan menerusi kerjasama KPWKM dengan Amanah Ikhtiar Malaysia.

Dari tahun 2009 hingga 2012, bilangan usahawan wanita yang dilahirkan adalah 4,300 orang, melebihi sasaran bagi tempoh tersebut iaitu 4,000 orang usahawan wanita. Program ini telah diteruskan pada tahun 2013 dan 2014. Bagi tempoh Januari 2013 hingga Ogos 2014, sejumlah 1,700 lagi usahawan wanita telah dilahirkan dengan pendapatan bulanan RM3,500 atau lebih.

**b) Bazar Wanita 1Malaysia**

Bazar Wanita 1Malaysia diwujudkan di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan untuk usahawan wanita berpendapatan rendah. Inisiatif ini dilaksanakan di pasar tani, Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) dan Pusat Transformasi Bandar (UTC) sejak Disember 2012 dengan kerjasama Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA). Hingga Mei 2014, Bazar Wanita 1Malaysia telah dilancarkan di Putrajaya, Kelantan, Sabah dan Sarawak dengan jumlah peserta 101 orang.

c) **Program Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal (I-KIT) dan Program Inkubator Keusahawanan Wanita (I-Keunita)**

KPWKM melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) menjalankan program Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal (I-KIT) yang merangkumi program keusahawanan dalam bidang seperti jahitan, kecantikan, pembuatan pastri dan asuhan kanak-kanak. Bagi tempoh 2008 hingga Jun 2014, seramai 4,445 orang ibu tunggal telah dilatih di bawah program I-KIT.

Program Inkubator Keusahawanan Wanita (I-Keunita) pula telah dilaksanakan pada tahun 2010 dan 2013 serta diteruskan pada tahun 2014. Jumlah peserta yang telah mengikuti program ialah 6,142 orang.

d) **Program *MamaCare***

Kementerian telah melaksanakan Program *MamaCare* yang mana wanita warga emas dan ibu tunggal dilatih untuk memberi penjagaan selepas bersalin secara tradisional dan moden untuk menjana pendapatan. Dalam program rintis yang dijalankan dari

November 2012 hingga hingga Disember 2013, seramai 91 orang wanita telah dilatih bagi mengikuti program ini. Bagi kumpulan pertama, seramai 31 orang yang telah dipantau bermula Januari 2013 hingga Disember 2013 telah berjaya menjana pendapatan yang mana pendapatan tertinggi mencapai RM6,800 sebulan. Dari Januari hingga Oktober 2014, kementerian telah melatih seramai 120 orang wanita dan akan melatih seramai 180 orang wanita lagi dalam program ini. Program ini memberi impak yang tinggi kerana pengamal MamaCare berupaya menjana pendapatan yang tinggi dalam masa yang singkat dengan pelaburan yang murah.

e) **Program 1AZAM**

Program 1AZAM di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara: Meningkatkan Taraf Hidup Isi Rumah Berpendapatan Rendah yang diterajui oleh KPWKM adalah untuk meningkatkan pendapatan keluarga golongan berpendapatan rendah melalui:

- bidang perniagaan (AZAM Niaga);
- bidang perkhidmatan (AZAM Khidmat);
- bidang pertanian (AZAM Tani); dan

- bidang pekerjaan (AZAM Kerja).

Dari tahun 2010 hingga September 2014, sejumlah 164,813 orang telah menyertai Program 1AZAM. Dari jumlah tersebut seramai 104,513 atau 63.4% peserta adalah wanita.

Tuan Yang Dipertua,

## **PROGRAM PENGARAH WANITA**

KPWKM juga melaksanakan program bagi meningkatkan peluang kerjaya kepada wanita dalam sektor korporat selaras dengan Dasar Sekurang-kurangnya 30 Peratus Wanita di Peringkat Pembuat Keputusan dalam Sektor Korporat yang diumumkan kerajaan pada tahun 2011.

Program Pengarah Wanita atau *Women Directors' Programme* telah dilaksanakan oleh *NAM Institute for the Empowerment of Women (NIEW)*, agensi di bawah KPWKM sejak tahun 2012 bagi memastikan kumpulan wanita yang kompeten dapat diketengahkan sebagai ahli lembaga pengarah syarikat.

Dari tahun 2012 hingga Oktober 2014, seramai 828 calon pengarah wanita telah dilatih dalam program tersebut. Bagi tempoh Januari 2013 hingga Oktober 2014, jumlah penempatan ahli lembaga pengarah wanita di syarikat tersenarai awam adalah 164.

## **SOSIAL**

Dari aspek sosial, KPWKM menerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat menyalurkan bantuan kebajikan kepada golongan miskin termasuklah wanita yang pendapatan keluarga mereka tidak melebihi Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) semasa melalui skim-skim berikut:

- a) **Bantuan Kanak-kanak (BKK)** diberi kepada keluarga miskin yang menanggung anak berumur di bawah 18 tahun bertujuan untuk menampung keperluan harian, persekolahan dan memastikan keluarga dapat terus menjaga anak-anak dengan baik. Pada tahun 2013, seramai 72,435 ketua isi rumah (KIR) wanita telah menerima bantuan kewangan yang melibatkan peruntukan berjumlah RM232.2 juta. Dari Januari hingga Mei 2014, seramai 55,797 KIR wanita telah menerima bantuan kewangan yang melibatkan peruntukan berjumlah RM72.4 juta.

- b) **Bantuan Am (BA)** diberi kepada golongan yang memerlukan dalam kalangan keluarga miskin yang tidak diliputi di bawah jenis bantuan lain. Pada tahun 2013, seramai 70,182 orang wanita telah menerima Bantuan Am yang melibatkan peruntukan berjumlah RM162.3 juta. Dari Januari hingga Mei 2014, seramai 62,679 orang wanita telah menerima Bantuan Am yang melibatkan peruntukan berjumlah RM58.38 juta.
- c) **Geran Pelancaran** diberi kepada penerima bantuan yang masih produktif, berpotensi dan mempunyai kemahiran termasuk dari kalangan wanita untuk terlibat dalam program/projek yang dapat menjana pendapatan tambahan kepada mereka. Pada tahun 2013, seramai 293 orang wanita telah menerima Geran Pelancaran yang melibatkan peruntukan berjumlah RM710,841. Dari Januari hingga Mei 2014, seramai 78 orang wanita telah menerima Geran Pelancaran yang melibatkan peruntukan berjumlah RM201,255.

Di samping itu, KPWKM melalui agensinya Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) juga melaksanakan pelbagai program dalam memperjuangkan hak-hak wanita dari segi sosial melalui program seperti berikut:

**a) Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling**

Objektif bimbingan dan kaunseling adalah untuk membantu memulih tingkah laku, kognitif dan emosi klien serta membantu klien mengenal pasti kebolehan, minat, potensi dan keupayaan diri. Bimbingan dan kaunseling ini diberikan oleh kaunselor berdaftar melalui sama ada temu janji, telefon, *walk-in*, *outreach* kepada komuniti dan rujukan daripada pelbagai pihak seperti Talian Nur dan rumah perlindungan wanita.

**b) Kempen Menangani Keganasan Terhadap Wanita**

Sempena Hari Antarabangsa Menangani Keganasan Terhadap Wanita pada 25 November 2014 kempen menangani keganasan terhadap wanita **selama 90 hari** telah bermula pada 2 Oktober 2014 dan akan berakhir pada 30 Disember 2014 di seluruh negara. Kempen ini melibatkan kerjasama sukarelawan 1M4U, agensi-agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan serta pihak swasta. Antara program di bawah kempen ini ialah Klinik Kesedaran Wanita Anti Jenayah (WAJA) yang dianjurkan di 222 kawasan Parlimen.

### **c) Program Bina Upaya Bagi Keluarga**

KPWKM menerusi Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) juga melaksanakan program bina upaya yang boleh dimanfaatkan secara langsung oleh wanita untuk mengukuhkan institusi keluarga. Program kekeluargaan dan keibubapaan, termasuklah Program PARENTING@WORK dan pengurusan kewangan SMART BELANJA@LPPKN memberi kesedaran dan pengetahuan kepada wanita mengenai kepentingan dalam mengimbangi peranan serta tanggungjawab terhadap keluarga khususnya anak-anak.

## **POLITIK**

Kerajaan juga mempunyai langkah berterusan dalam memperjuangkan hak wanita dari segi politik melalui Dasar Wanita Negara, iaitu membangunkan potensi dan mendayaupayakan wanita dalam semua sektor dan memastikan pandangan dan suara wanita diterima pakai dalam proses membuat keputusan di semua peringkat. Sehubungan itu, kerajaan telah menggubal Pelan Tindakan Pembangunan Wanita pada tahun 2009. Salah satu objektif khusus Pelan Tindakan ini ialah mencapai sekurang-

kurangnya 30% penglibatan wanita di DUN, Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

Secara keseluruhannya, terdapat peningkatan bilangan calon wanita dari PRU Ke-12 (120 orang) berbanding PRU Ke-13 (168 orang). Ini merupakan peningkatan sebanyak 40% berbanding PRU-12. Bagaimanapun, **parti-parti politik yang merupakan *stakeholders* utama perlu terus mengambil perhatian dan melaksanakan strategi** dan program yang digariskan dalam Pelan Tindakan Pembangunan Wanita. Kejayaan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita ini amat bergantung kepada kesediaan, komitmen dan keyakinan pemimpin-pemimpin parti politik dalam membuka lebih banyak ruang dan peluang di peringkat *entry point* bagi meningkatkan penyertaan wanita dalam bidang politik dan seterusnya sebagai calon dalam pilihan raya.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN RAMKARPAL SINGH A/L  
KARPAL SINGH [ BUKIT GELUGOR ]**

**TARIKH : 5 NOVEMBER 2014**

**RUJUKAN : 7352**

**SOALAN:**

**Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [ Bukit Gelugor ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada hukuman mati di bawah Akta Dadah Berbahaya, 1952 telahpun berjaya untuk membanteras aktiviti-aktiviti pengedaran dadah dan nyatakan sama ada jumlah kes-kes pengedaran dadah telah pun meningkat sejak hukuman mati mandatori diperkenalkan di bawah Akta tersebut.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Hukuman mati yang dikenakan di bawah kesalahan Akta Dadah Berbahaya 1952 merupakan hukuman yang setimpal dan berkesan untuk mengekang aktiviti pengedaran dadah di dalam negara. Penyalahgunaan dadah merupakan musuh utama negara kerana implikasinya boleh merosakkan modal insan dan membawa kemudaratan yang besar dan boleh menghancurkan keharmonian negara dan institusi kekeluargaan itu sendiri. Penyalahgunaan dadah berkait rapat dengan aktiviti jenayah seperti gangsterisme, kongsi gelap dan kesalahan jenayah yang lain. Penglibatan dalam pengambilan dadah juga boleh dikaitkan dengan peningkatan kadar pengangguran dalam negara kerana mereka yang terlibat dengan dadah tidak lagi mempunyai daya saing untuk bekerja dengan tekun dan sukar untuk diterima bekerja oleh majikan.**

**Statistik tangkapan pengedar dadah di bawah seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 pada tahun 2009 sehingga 2014 (Ogos) seperti berikut:-**

<b>TAHUN</b>	<b>TANGKAPAN</b>
<b>2009</b>	<b>2,955</b>
<b>2010</b>	<b>3,700</b>
<b>2011</b>	<b>3,845</b>
<b>2012</b>	<b>4,109</b>
<b>2013</b>	<b>4,214</b>
<b>2014 (JAN - OGOS)</b>	<b>3,274</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>22,097</b>

**Terdapat beberapa faktor yang mendorong ke arah penularan aktiviti pengedaran, penyalahgunaan dan penagihan dadah seperti berikut:**

**(a) Keuntungan yang tinggi.**

**Harga dadah dalam pasaran tempatan adalah jauh lebih tinggi berbanding harga dadah di negara pengeluar. Sindiket pengedaran dadah sanggup mengambil risiko dikenakan tindakan undang-undang untuk mengaut keuntungan yang tinggi hasil daripada aktiviti pengedaran**

**dadah. Sebagai contoh harga bagi sekilo syabu di Iran berharga RM90,000 hingga RM100,000 manakala harga pasaran bagi sekilo dadah syabu di pasaran tempatan bernilai antara RM120,000 hingga RM130,000 ribu. Keadaan ini menyebabkan mereka sanggup melakukan apa saja taktik untuk menyeludup dadah demi mengejar keuntungan yang besar walaupun berhadapan dengan risiko yang tinggi dikenakan hukuman mati.**

**(b) Permintaan dadah yang tinggi.**

**Trend pengambilan dadah semasa telah berubah bukan sahaja terhad kepada penagih tegar tetapi dadah telah digunakan untuk tujuan tertentu seperti berhibur dan rekreasi terutama dadah yang berbentuk sintetik. Penyalahgunaan dadah terdiri daripada pelbagai golongan tanpa mengira usia, tahap pendidikan dan status sosial.**

**(c) Sindiket pengedaran dadah.**

**Aktiviti pengedaran dadah merupakan jenayah rentas sempadan yang terancang. Sindiket ini mempunyai rangkaian dan jaringan diseluruh dunia. Pelbagai taktik dan teknik yang berbeza digunakan untuk mengelirukan pihak berkuasa dan memerlukan maklumat risikan yang tepat untuk mengesan dadah berkenaan. Keadaan ini**

menyukarkan pihak berkuasa membanteras aktiviti ini dengan kaedah penyeludupan yang pelbagai.

**(d) Bekalan yang berterusan.**

Penagih dadah memerlukan bekalan yang berterusan untuk menghilangkan ketagihan mereka, bagi pegedar dadah tidak sukar untuk memasarkannya kerana pelanggan mereka telah sedia ada dan ini menggalakkan mereka terus mengedar dadah berkenaan.

Berdasarkan kepada kemudahan dan perbelanjaan yang besar ditanggung oleh Kerajaan untuk membanteras penyeludupan dadah di samping perbelanjaan untuk memulihkan penagih dadah, hukuman mati mandatori yang dikenakan adalah jalan yang terbaik untuk mengekang masalah penyalahgunaan dadah di negara ini. Pihak PDRM tidak akan berputus asa untuk membanteras gejala penyalahgunaan dadah ini yang boleh merosakkan nilai bangsa dan generasi muda yang bakal mewarisi negara ini. Pihak PDRM telah menubuhkan *Special Tactical Intelligence Narcotics Group (STING)* untuk melumpuhkan kegiatan pengedaran dadah di seluruh negara.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED  
(PULAI)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 05.11.2014**

**Y.B. DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED [ PULAI ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengenai pelan pemulihan MAS yang dikemukakan Khazanah serta jumlah yang sudah dibelanjakan Kerajaan sejak mengambil alih MAS pada tahun 1995.

**JAWAPAN**

uan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, keutamaan MAS pada masa ini adalah untuk menumpukan perhatian kepada pelaksanaan

inisiatif sedia ada di bawah pelan perniagaan syarikat dengan sasaran untuk meningkatkan kendalian trafik penumpang yang telah terjejas berikutan insiden MH370 dan MH17 yang lalu. Pelbagai strategi dan pelan jangka pendek telah dirancang dan akan dilaksanakan bagi memulihkan imej syarikat serta meningkatkan semula keyakinan penumpang kepada perkhidmatan MAS. Antara langkah yang dilaksanakan adalah mengaktifkan semula promosi jualan untuk semua sektor termasuk pasaran di China serta menggiatkan kempen pemasaran taktikal di seluruh dunia melalui pakatan perkongsian sedia ada.

Selain itu, MAS terus komited untuk mengekalkan daya saing serta menyediakan tahap perkhidmatan berkualiti kepada penumpang serta memberi tumpuan kepada inisiatif untuk meningkatkan hasil, mengurangkan kos operasi dan meningkatkan produktiviti dengan mengukuhkan rangkaian perkhidmatan MAS. Program Penggantian Pesawat merupakan pemangkin kepada pelan pemulihan MAS melalui inisiatif memenangi semula penumpang. Dengan adanya pesawat baru seperti A380, Boeing 737-800 dan Airbus A330, MAS dapat mempelbagaikan perkhidmatan bagi memberi kepuasan kepada

penumpang dan mengekalkannya sebagai syarikat penerbangan pilihan. MAS juga menawarkan perkhidmatan berkualiti bertaraf lima (5) bintang dengan harga kompetitif berbanding syarikat-syarikat penerbangan lain.

Tuan Yang di-Pertua,

### **Pelan Pemulihan MAS**

Pada 29 Ogos 2014, Khazanah telah mengumumkan Pelan Pemulihan MAS yang melibatkan rombakan menyeluruh syarikat penerbangan tersebut. Pelan Pemulihan ini merangkumi elemen tadbir urus dan rangka kerja kewangan, model operasi perniagaan, kepimpinan dan modal insan serta persekitaran pengawalseliaan dan pemudah yang dibahagikan kepada 12 rangka kerja seperti berikut:

- 1) menubuhkan syarikat baharu bagi menempatkan “MAS Baru”, menyahsenarai MAS (syarikat sedia ada) dan penyenaiaan semula “MAS Baru”. Penyahsenaraian MAS adalah langkah pertama dalam proses penstrukturan semula secara menyeluruh bagi melindungi

kepentingan pemegang saham minoriti daripada risiko pelaksanaan serta memberi peluang kepada MAS dan Khazanah untuk membuat keputusan secara pantas dan berkesan;

2) Menyediakan dana sehingga RM6 bilion untuk penyusunan semula serta pelaburan dan mengurangkan nisbah bersih hutang berbanding dana pemegang saham kepada 120%;

3) Menetapkan semula model perniagaan yang mampan melalui rangkaian perkhidmatan yang memberi fokus kepada pasaran serantau, struktur kos yang lebih rendah dan penekanan yang lebih kepada pengurusan hasil;

4) Menyatukan operasi teras dan ibu pejabat di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA);

5) Mengukuhkan jaminan, integriti dan fungsi keselamatan;

- 6) Mengkaji dan merundingkan semula kontrak bekalan;
- 7) Memperkukuhkan barisan kepimpinan;
- 8) Menyesuaikan saiz tenaga kerja, dengan anggaran 14,000 kakitangan di "MAS Baru";
- 9) Mengukuhkan perhubungan industri dan penjawatan dalaman;
- 10) Latihan semula, pewujudan pekerjaan dan penempatan semula;
- 11) Sokongan Kerajaan yang sesuai terhadap inisiatif utama, dan
- 12) Komunikasi berterusan dan perhubungan dengan pihak berkepentingan.

Bagi melaksanakan Pelan Pemulihan MAS ini, Khazanah memerlukan

dana sehingga RM6 bilion yang akan disalurkan secara berperingkat, tertakluk kepada pencapaian syarat-syarat penyusunan semula yang ketat. Antara sasaran yang ditetapkan ke atas MAS adalah seperti penggubalan peraturan kerja dan syarat-syarat pekerjaan berdasarkan penanda aras industri, penyusunan semula proses dan penyelarasan, kajian semula kontrak, penyatuan operasi di KLIA, penubuhan jawatankuasa untuk memudahkan perundingan pekerja, tadbir urus dan etika, kelulusan Pelan Perniagaan, pembangunan sumber manusia dan pengurusan, kajian semula struktur tadbir urus korporat Syarikat dan penetapan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) kewangan dan operasi untuk pemantauan bulanan bagi memastikan pelaksanaan penstrukturan semula.

Peringkat awal Pelan Pemulihan MAS telah dimulakan dengan proses penyahsenaraian MAS dari Bursa Malaysia dilaksanakan secara *Selected Capital Reduction (SCR)* yang diumumkan oleh Khazanah pada 8 Ogos 2014. Pemegang saham yang berhak akan dibayar balik pada nilai RM0.27 sesaham bagi setiap saham yang dipegang. Keseluruhan transaksi SCR ini dijangka akan dimuktamadkan pada akhir Disember 2014 dan

Khazanah akan menjadi pemegang saham biasa tunggal MAS. Seterusnya kesemua operasi, aset dan liabiliti yang berkaitan akan dipindahkan kepada “MAS Baru” menjelang 1 Julai 2015.

Tempoh peralihan selama 10 bulan akan datang **adalah** daripada syarikat sedia ada kepada “MAS Baru” **yang** akan menyaksikan perubahan besar dari segi barisan kepimpinan akan dilaksanakan secara komprehensif dan teratur. Perubahan ini termasuk mengukuhkan komposisi Lembaga Pengarah, pengurusan atasan termasuk Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) serta pengurusan pertengahan “MAS Baru” dengan memanfaatkan bakat kepimpinan terbaik di MAS.

Penghijrahan kepada “MAS Baru” akan melibatkan kajian semula kos keseluruhan syarikat penerbangan tersebut yang dijangka akan menghasilkan struktur kos yang lebih rendah, berikutan struktur operasi dan tenaga kerja akan dilaksanakan berdasarkan amalan dan norma-norma industri yang kompetitif.

Syarikat dijangka mencatatkan keuntungan dalam tempoh 3

tahun dan menjelang tahun 2020 “MAS Baru” dijangka akan berada dalam kedudukan yang lebih kukuh dan boleh dipertimbangkan untuk disenaraikan semula di Bursa Malaysia, dijual atau diletakkan dalam perkongsian strategik yang mampu menjana pulangan positif.

Tuan Yang di-Pertua,

### **Isu Kakitangan MAS**

Mengenai pampasan kepada 6,000 kakitangan MAS yang diberhentikan, perkara ini masih belum dimuktamadkan oleh Khazanah dan masih menunggu keputusan program penilaian bakat yang sedang dilaksanakan di MAS. Selain daripada skim pemberhentian, Khazanah juga sedang menilai skim-skim lain yang boleh dipertimbangkan untuk memastikan bakat terbaik diberi insentif dan dikekalkan dalam “MAS Baru”.

Bagi membantu kakitangan yang akan diberhentikan, Khazanah telah menubuhkan sebuah pusat khas atau *Outplacement Centre* (OPC)

untuk memberikan sokongan penempatan, selari dengan proses penyusunan semula yang sedang dilaksanakan. OPC ini akan menyediakan khidmat sokongan berkaitan yang diperlukan oleh pelbagai kumpulan pekerja yang akan meninggalkan MAS.

Ini termasuklah sokongan profesional, emosi dan kewangan untuk membantu mereka beralih pekerjaan ke peringkat seterusnya dalam kerjaya masing-masing.

OPC diletakkan di bawah naungan Pusat Latihan Semula Korporat (CRC) yang ditubuhkan bagi penyusunan semula dan sokongan perkhidmatan. CRC akan meliputi bidang seperti perancangan kewangan dan persaraan, panduan kerjaya dan kaunseling, penjalinan hubungan dengan majikan serta badan-badan berkanun yang berpotensi. Khazanah terus komited untuk memastikan bahawa proses pemindahan, penghijrahan dan pemberhentian pekerja dilaksanakan dengan penuh cermat, adil dan menurut proses yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua,

Industri penerbangan adalah salah satu pengganda ekonomi tertinggi iaitu sebanyak 12 kali, berbanding 1 hingga 3 kali yang dicatatkan oleh kebanyakan industri lain. Sebagai contoh, bagi setiap pekerja yang diambil kerja oleh MAS, terdapat empat (4) pekerjaan sokongan lain yang dicipta di pelbagai bidang lain dalam ekonomi. Oleh itu, MAS perlu kekal memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi Malaysia agar dapat terus menyumbang kepada KDNK negara.

Bagi memastikan kejayaan Pelan Pemulihan ini, Khazanah dan MAS telah melantik perunding yang merupakan pakar dalam bidang masing-masing seperti penerbangan, undang-undang, kewangan, percukaian, penyelidikan dan pengurusan projek dengan jumlah bayaran kepada perunding dianggarkan berjumlah 1% hingga 2% daripada kos pelaburan keseluruhan sebanyak RM6 bilion.

Dalam menjayakan pelan pemulihan MAS, sokongan daripada pihak-pihak berkepentingan atau *stakeholders* yang meliputi pengurusan dan kakitangan MAS, Khazanah, Kerajaan, pembekal, kontraktor, institusi kewangan dan rakyat adalah amat penting untuk membina kembali ikon

penerbangan negara.

**SULIT**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO TAKIYUDDIN BIN HASSAN  
[ KOTA BHARU - PAS ]**

**TARIKH : 5 NOVEMBER 2014 (RABU)**

**SOALAN (NO. 24)**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan sejauh mana pencapaian atlet-atlet Malaysia di Sukan Komanwel Glasgow 2014 berbanding sasaran yang diletakkan.

**DIJAWAB SEKALI DENGAN SOALAN YANG BERKATIAN:**

**SULIT**

**26 NOVEMBER 2014 (RABU) SOALAN (NO.31)**

**TUAN MANIVANAN a/l GOWINDASAMY [ KAPAR - KEADILAN ]** Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan penilaian prestasi (post mortem) terhadap atlet-atlet negara dalam Sukan Komanwel ke-20 di Glasgow, memandangkan Malaysia gagal untuk mencapai matlamat tujuh emas yang ditetapkan. Nyatakan juga bilangan peserta atlet dan rombongan delegasi serta jumlah perbelanjaan para atlet dan rombongan delegasi Malaysia sepanjang berlansungannya Sukan Komanwel.

**26 NOVEMBER 2014 (RABU) SOALAN (NO.28)**

**DATUK JUMAT BIN IDRIS [ SEPANGGAR - BN ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan :-

- (a) prestasi atlet-atlet kebangsaan yang mewakili negara pada Sukan Komanwel 2014; dan
- (b) apakah perancangan Kementerian bagi terus mempertingkatkan prestasi atlet-atlet negara pada masa hadapan.

**SULIT**

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

Saya mohon untuk menjawab soalan daripada **YB Kota Bharu** bersekali dengan persoalan daripada **YB Kapar dan YB Sepanggar** bertarikh **26 November 2014**, kerana ia menyentuh berkaitan dengan perkara yang sama iaitu prestasi atlet di Sukan Komanwel Glasgow 2014.

1. Untuk makluman Yang Berhormat, kontinjen negara yang telah menyertai temasya Sukan Komanwel Glasgow 2014 yang lalu adalah seramai 269 orang. Mereka terdiri daripada :
  - i. 179 atlet (104 lelaki; 75 wanita)
  - ii. 72 pegawai pasukan (58 lelaki; 14 wanita)
  - iii. 9 pegawai perubatan dan sains sukan (6 lelaki; 3 wanita)
  - iv. 9 pegawai sekretariat (7 lelaki; 2 wanita).
  
2. Sukan Komanwel Glasgow 2014 mempertandingkan sebanyak 261 acara yang menawarkan 261 pingat emas keseluruhannya. Kontinjen negara telah menasarkkan sebanyak **7 pingat emas** daripada 130 acara yang disertai. Secara keseluruhannya kontinjen negara telah memenangi **6 pingat emas, 7 pingat perak** dan **6 pingat gangsa**.

## SULIT

3. Pencapaian sasaran sukan-sukan terlibat adalah seperti berikut:

**i. Angkat Berat**

Mencapai sasaran 1 emas melalui Mohd Hafifi Mansor (69kg).

**ii. Badminton**

Mencapai sasaran 3 emas melalui acara Berpasukan Campuran, Tan Wee Kiong dan Goh Wei Shem (Bergu Lelaki) serta Vivian Hoo Kah Mun dan Woon Keh Wei (bergu wanita).

**iii. Skuasy**

Mencapai sasaran 1 emas melalui Dato' Nicol David (perseorangan wanita).

**iv. Terjun**

Mencapai sasaran 1 emas melalui Ooi Tze Liang (3m Springboard).

**v. Berbasikal Trek**

Gagal mencapai sasaran 1 emas apabila Azizul Hasni Awang (Keirin) hanya memenangi pingat gangsa.

**vi. Lawn Bowls**

Gagal mencapai sasaran 1 emas apabila 'Men Pairs' dan 'Women Fours' hanya memenangi 2 pingat perak.

## SULIT

4. Jumlah keseluruhan perbelanjaan untuk menghantar Kontinjen Malaysia ke Sukan Komanwel Glassgow 2014 adalah berjumlah **RM1,956,650.00**. Perbelanjaan tersebut meliputi perkara-perkara berikut :-

i.	Tambang Kapal Terbang	- RM1,640,900.00
ii.	Blazer Suit	- RM 201,750.00
iii.	Baju Melayu untuk Perbarisan	- RM 54,000.00
iv.	Lebih bagasi	- RM 60,000.00

Manakala pakaian 'Track-suit' dan 'T-shirt' Harimau jenama Yonex ditaja oleh Sunrise & Co. (Pte) Ltd dan kasut sukan jenama Power ditaja oleh BATA (M) Sdn Bhd.

5. Mesyuarat Penilaian Prestasi (Post Mortem) telah diadakan pada 12 Ogos 2014 (Selasa) di Dewan Komanwel, Majlis Sukan Negara dan dipengerusikan sendiri oleh YB Menteri Belia dan Sukan Malaysia. Dalam mesyuarat tersebut, YB Menteri telah mengambil maklum tentang pelaporan dan pandangan yang diberikan oleh wakil-wakil daripada Majlis Sukan Negara, Majlis Olimpik Malaysia dan empatbelas (14) Persatuan Sukan Kebangsaan yang terlibat ke Sukan Komanwel Glasgow 2014.
6. Kesemua persatuan sukan kebangsaan terbabit diwajibkan untuk menyediakan laporan pelaksanaan Program Elit 2011-2014 termasuk laporan oleh Chef de Mission dan Pemimpin Pasukan (Team Leader) dalam tempoh 7 hari untuk dihantar ke pejabat YB Menteri. Cadangan dari Mesyuarat 'Post Mortem' sedang dinilai untuk dilaksanakan pada temasya akan datang.

## SULIT

7. Bagi mempertingkatkan prestasi atlet, Kementerian Belia dan Sukan melalui Majlis Sukan Negara sentiasa mewujudkan program jangka panjang di **peringkat atlet elit** dan **atlet pelapis** dengan mengadakan program latihan berpandukan **Pelan Periodisasi Latihan** yang dirangka secara bersama dengan Persatuan Sukan Kebangsaan (PSK) dan jurulatih-jurulatih setiap tahun. Program ini merangkumi aspek-aspek latihan pendedahan luar negara dan program tindak (*attachment*), pertandingan dalam dan luar negara, kem-kem tahunan dan latihan pusat mengikut sukan, kem motivasi, latihan pusat akhir dan juga penerapan komponen latihan sains dan perubatan sukan. Kementerian turut menyediakan insentif-insentif seperti elaun latihan, biasiswa sukan, program pendidikan dan skim hadiah kemenangan bagi memberi galakan kepada atlet-atlet ini yang menjadikan sukan sebagai satu kerjaya untuk mencapai kecemerlangan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 5 NOVEMBER 2014  
[ RABU ]**

**DARIPADA : Y.B. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH  
PAIRIN KITINGAN  
[ KENINGAU ]**

**SOALAN :-**

**Y.B. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH PAIRIN KITINGAN [ KENINGAU ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN** menyatakan sama ada tahun hadapan pihak Parlimen Keningau boleh dibekalkan dengan perumahan PPR sebanyak 1,500 buah memandangkan bahawa pihak Pejabat Daerah dan Majlis Daerah Keningau telah bercadang memohon 1,500 buah, ini berlandaskan permintaan pertambahan penduduk di kawasan pedalaman. Tahun dahulu kawasan ini telah diberi hanya 400 buah rumah PPR.

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini, Jabatan Perumahan Negara, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (JPN/KPKT) telah menyiapkan satu projek Program Perumahan Rakyat (PPR) sebanyak 300 unit di kawasan Parlimen Keningau.

KPKT sedia menimbang permohonan projek baru daerah Keningau sekiranya ada permintaan dan disokong oleh Kerajaan Negeri tertakluk kepada kelulusan peruntukan daripada Agensi Pusat.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

November 2014

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. DATUK WIRA HAJI AHMAD BIN  
HAMZAH [ JASIN ]**

**TARIKH : 5 NOVEMBER 2014**

**SOALAN :**

**YB Datuk Wira Haji Ahmad Bin Hamzah [ Jasin ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah untuk meningkatkan pendapatan kaum Bumiputera dari sumber modal (*income from capital*) kerana majoriti kaum ini menerima pendapatan dari gaji yang kecil sahaja.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan telah mengambil beberapa langkah bagi meningkatkan pendapatan kaum Bumiputera daripada sumber modal iaitu, antaranya:

**(i) Pelaburan skim Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)**

Pelaburan skim Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) merupakan skim yang diperkenalkan di bawah Permodalan Nasional Berhad (PNB). Antara skim ASNB yang boleh dilanggan adalah seperti Amanah Saham Bumiputera (ASB), Amanah Saham Nasional (ASN) dan Amanah Saham 1Malaysia (AS1M). Melalui pelaburan dalam skim ASNB, setiap pelabur boleh menggandakan pelaburan asalnya dengan memperolehi pulangan pelaburan yang terdiri daripada pengagihan pendapatan dan bonus.

Sebagai contoh, sejak skim ASB diperkenalkan pada tahun 1990, terdapat 8.5 juta pemegang akaun ASB dengan unit simpanan 135 bilion unit. Pada tahun 2013, jumlah agihan pendapatan dan bonus yang diberikan adalah sebanyak RM9.9 bilion. Pengagihan pendapatan dan bonus seunit ASB yang konsisten, iaitu melebihi 8.55 sen seunit, mampu meningkatkan lagi pendapatan masyarakat Bumiputera berasaskan sumber modal.

Di bawah agenda Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera pula, skim Amanah Saham Bumiputera 2 (ASB2) telah diperkenalkan dengan suntikan modal RM10 bilion bagi membantu meningkatkan lagi pendapatan masyarakat Bumiputera. Sejak dilancarkan pada bulan April 2014, ASB2 telah dilanggan sebanyak 1.1 bilion unit yang terdiri daripada 57,432 pemegang akaun;

**(ii) Pelaburan skim Amanah Hartanah Bumiputera (AHB)**

Kerajaan turut menggalakkan pegangan unit amanah hartanah, iaitu Amanah Hartanah Bumiputera (AHB) di bawah Pelaburan Hartanah Berhad (PHB). Pelaburan ini membolehkan pelabur Bumiputera mengambil bahagian dalam pemilikan benefisial aset hartanah dengan pelaburan permulaan serendah RM500. Sehingga kini, AHB telah menambah saiz dana kepada RM2.0 bilion. Seramai 54,516 pelabur telah menyertai AHB. Skim ini yang dilancarkan pada bulan November 2010 telah membuat pembayaran pengagihan pendapatan sebanyak 7 kali dengan kadar pengagihan yang konsisten dan kompetitif. Secara keseluruhannya, AHB telah berjaya mengagihkan pendapatan lebih RM257.1 juta kepada pemegang-pemegang unit; dan

**(iii) Program Pembangunan Keusahawanan**

Program pembangunan keusahawanan adalah bertujuan untuk menggalakkan penglibatan masyarakat Bumiputera dalam bidang perniagaan dan keusahawanan. Kerajaan menyediakan bantuan modal kewangan seperti pembiayaan pinjaman dan geran serta bantuan modal bukan kewangan seperti penyediaan pengangkutan dan mesin untuk menjalankan perniagaan. Melalui program ini, usahawan Bumiputera mampu

meningkatkan pendapatan melalui penjanaaan keuntungan perniagaan.

Program pembangunan keusahawanan ini disediakan oleh beberapa agensi Kerajaan, antaranya Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dan Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN). Sejak tahun 1987 sehingga Julai 2014, AIM telah mengeluarkan pinjaman berjumlah RM10.0 bilion yang memanfaatkan 339,226 Sahabat AIM Bumiputera. Di samping itu, TEKUN pula telah mengeluarkan pinjaman sebanyak RM3.19 bilion bagi membantu 297,077 peminjam sejak tahun 1998. Berdasarkan bancian yang dijalankan pada tahun 2013, sebanyak 94% usahawan yang menerima pinjaman TEKUN telah menunjukkan peningkatan jualan dan pendapatan. Selain itu, sehingga Ogos 2014, sejumlah 87,085 pinjaman ulangan bernilai RM1.2 billion telah ditawarkan kepada usahawan Bumiputera yang berjaya meningkatkan pendapatan melalui bantuan perniagaan yang diberikan.

**(iv) Simpanan Tabung Haji**

Simpanan Tabung Haji dalam Lembaga Tabung Haji (LTH) juga memberikan pulangan yang agak baik. Meskipun ramai yang menyimpan adalah untuk mengerjakan ibadah Haji, ianya dapat meningkatkan pulangan kepada pendeposit. Sehingga akhir tahun 2013, terdapat 8.3 juta pendeposit dengan jumlah nilai simpanan sebanyak RM45.7 bilion. LTH telah membuat bayaran bonus kepada pendeposit dengan kadar 8.0%, termasuk 2.0% bonus haji dengan jumlah agihan bonus bernilai RM2.6 bilion.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN TONY PUA KIAM WEE  
[ PETALING JAYA UTARA]**

**TARIKH : 5 NOVEMBER 2014 (RABU)**

**SOALAN :**

**YB Tuan Tony Pua Kiam Wee [ Petaling Jaya Utara ] minta  
PERDANA MENTERI menyatakan :-**

- (a) sebab konsesi Lebuhraya KIDEX diluluskan walaupun ianya hanya dapat mengurangkan kesesakan trafik sebanyak 4% secara purata; dan
- (b) sama ada pihak Kerajaan Negeri Selangor mempunyai kuasa untuk menolak projek Lebuhraya KIDEX.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Kenyataan bahawa kelulusan diberikan terhadap lebuhraya KIDEX berdasarkan penurunan kesesakan trafik sebanyak 4% secara purata adalah tidak tepat.

Ini kerana setiap penurunan atau pertambahan jumlah trafik perlulah dilihat bagi kesemua jalan yang terlibat bagi mengenalpasti impak trafik samada penambahbaikan perlu dilaksanakan ataupun tidak bagi jalan yang terlibat. Selain itu, terdapat beberapa parameter yang perlu diambil kira bagi mengenalpasti impak trafik terhadap jalan iaitu;

1. Kapasiti jalan; dan
2. *Level of Service* (LOS)

Berdasarkan kajian trafik yang telah dijalankan, sekiranya lebuhraya ini tidak dilaksanakan dalam tempoh masa yang terdekat, dijangkakan kesesakan trafik akan bertambah teruk terutamanya di kawasan Petaling Jaya. Dengan adanya Lebuhraya KIDEX, dijangkakan antara kawasan yang akan mengalami penurunan jumlah trafik ialah Plaza Tol *North Klang Valley Expressway* (NKVE) di Damansara sebanyak (-16%), Jalan Utara sebanyak (-21%), Jalan Semangat sebanyak (-18%) dan Jalan Templer sebanyak (-21%).

Punca kesesakan trafik yang berlaku di jalan-jalan tempatan sedia ada di Petaling Jaya adalah disebabkan kebanyakan pengguna menggunakan jalan tersebut sebagai jalan pintas dari Puchong ke Damansara dan sebaliknya. Dengan adanya lebuhraya KIDEX,

kesesakan trafik yang berlaku di Lebuhraya Damansara – Puchong (LDP) dan jalan-jalan tempatan sedia ada di bawah seliaan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) turut dapat dikurangkan. Selain itu, KIDEX juga dapat menghubungkan secara terus laluan ke beberapa lebuhraya utama iaitu NKVE, SPRINT, FHR2, NPE, KESAS dan Lebuhraya Bukit Jalil supaya kadar penyuraian trafik dapat dipercepatkan.

Ingin dinyatakan bahawa, Lebuhraya KIDEX bukan merupakan satu-satunya penyelesaian bagi isu trafik yang berlaku di Petaling Jaya. Namun begitu, Lebuhraya KIDEX akan memberi banyak manfaat kepada pengguna lebuhraya dan dapat mengurangkan isu kesesakan trafik yang teruk di sekitar Lembah Kelang.

Tuan Yang di-Pertua,

(b) Perjanjian Konsesi projek Lebuh Raya KIDEX telah ditandatangani pada 15 November 2013 oleh Kementerian Kerja Raya bagi pihak Kerajaan Malaysia dan syarikat konsesi. Walau bagaimanapun, proses pengambilan tanah untuk pembinaan lebuh raya ini perlu mendapat kelulusan Kerajaan Negeri Selangor.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN: LISAN**

**DARIPADA: Y.B. TUAN HAJI NASRUDIN BIN HASSAN**

**TARIKH: 5 NOVEMBER 2014**

**SOALAN:**

**Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [ Temerloh ] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan langkah-langkah yang telah dibuat bagi meningkatkan keupayaan sumber manusia dan kebolehpasaran graduan.**

**PR-1323-L63859**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di Pertua,**

- 1. Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Tenaga Manusia (JTM) menjalankan program latihan yang ditawarkan kepada rakyat melalui 32 institusi latihan (ILJTM). Bidang latihan yang ditawarkan adalah merangkumi bidang-bidang kemahiran seperti Mekanikal dan Pengeluaran, Elektrikal dan Elektronik, ICT, Sivil dan Bangunan, Bukan Logam dan Percetakan selari dengan permintaan industri.**

2. Diantara langkah-langkah yang telah diambil oleh JTM bagi meningkatkan keupayaan sumber manusia dan kebolehpasaran graduan adalah seperti berikut:

- a. Bekerjasama dengan badan-badan profesional untuk *Professional Licencing* seperti dengan Suruhanjaya Tenaga untuk kursus Juruelektrik, pelaksanaan latihan bagi kursus Teknologi Kimpalan berdasarkan *Welding Prosedur Specification* (WPS) JTM, pelaksanaan Peperiksaan Pentauliahan Jurukimpal (3G dan 6G – ASME IX) dan peperiksaan *Welding Inspector 3.0*. Bagi Kursus Teknologi Penyelenggaraan Kapal Terbang, pelaksanaan latihan adalah berasaskan standard EASA Part 66 (Cat A).
- b. Community Employment Support Services (CESS) diwujudkan di ILJTM untuk menghubungkan ILJTM dengan komuniti setempat termasuk pihak industri. Bagi Keluaran 2013, peratus kebolehkerjaan bagi graduan ILJTM adalah sebanyak 83%.
- c. JTM memberi khidmat sokongan kepada syarikat dalam mengenalpasti dan menganalisa kepakaran pekerja industri menggunakan kaedah Curriculum Development Based on Ability Structure (CUDBAS).

- d. Kerjasama yang erat sentiasa diadakan antara ILJTM dan industri setempat untuk penempatan pekerjaan selepas graduan menamatkan latihan.
- e. Program Skim Kemahiran & Kerjaya 1 Malaysia (SKK1M) bagi penempatan pekerjaan bagi graduan ILJTM yang menganggur.

Tuan Yang Di Pertua,

3. Kementerian Sumber Manusia juga melalui Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) mentauliahkan sejumlah 398 buah pusat latihan awam dan 806 buah pusat latihan swasta di seluruh negara dengan menawarkan sejumlah 6,531 program yang merangkumi Sijil Kemahiran Malaysia (SKM), Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM).

4. Program latihan kemahiran yang ditawarkan di pusat-pusat bertauliah JPK adalah berpandukan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) yang dibangunkan dengan kerjasama industri. Dengan yang demikian, graduan yang keluar daripada institusi latihan kemahiran mempunyai nilai pasaran kerja yang tinggi dalam bidang masing-masing disebabkan latihan yang dilaksanakan memenuhi keperluan dan standard yang dikehendaki oleh industri. Sehingga September 2014, lebih kurang 1.3 juta SKM, DKM dan DLKM telah dikeluarkan kepada pelatih yang berjaya menamatkan latihan berdasarkan Standard yang ditetapkan.

5. Selain itu, program latihan kemahiran melalui pelaksanaan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) juga diperluaskan. Objektif latihan ini adalah untuk menghasilkan pekerja berkemahiran dan berpengetahuan melalui satu kaedah latihan komprehensif yang memenuhi kehendak industri semasa. SLDN menekankan penglibatan langsung industri dalam latihan dan menetapkan 70%-80% daripada latihan perlu dijalankan di tempat kerja manakala 20%-30% latihan teori di pusat latihan.

6. Disamping itu, Pembangunan Sumber Manusia Berhad di bawah KSM telah melaksanakan beberapa program antaranya:

- 1) *Train & Place;*
- 2) Skim Latihan Graduan (SLG);
- 3) *Accelerated Skills Enhancement Training (ASET);* dan
- 4) *Specialised Training and Advanced Recruitment (STAR).*

Perlaksanaan program-program ini adalah antara lainnya bertujuan untuk meningkatkan tahap kebolehpasaran para lepasan graduan dengan membekalkan mereka kelayakan tambahan dan kemahiran yang diperlukan oleh industri di samping memberi pendedahan terhadap senario sebenar alam pekerjaan. Bagaimanapun, perlaksanaan inisiatif-inisiatif ini adalah bergantung kepada dana yang diberikan oleh Kerajaan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DR. AZMAN BIN ISMAIL**  
**[KUALA KEDAH]**

**TARIKH : 5 NOVEMBER 2014**

**SOALAN : Dr. Azman bin Ismail [ Kuala Kedah ]**  
minta **MENTERI LUAR NEGERI**  
menyatakan usaha-usaha diplomatik yang  
telah dilakukan oleh Kerajaan Malaysia  
dalam memastikan Kerajaan Myanmar  
mengambil tanggungjawab yang  
sewajarnya dalam menangani masalah  
kezaliman atas kaum Rohingya di  
Myanmar.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagai mana Dewan yang Mulia ini sedia maklum, Malaysia mengamalkan dasar luar negara yang amat jelas dan konsisten iaitu tidak mencampuri urusan politik dalaman sesebuah Negara. Malah, Malaysia menghormati integriti Wilayah dan Kedaulatan Myanmar. Namun begitu, isu Rohingya juga menjadi perhatian bukan sahaja kepada Malaysia tetapi juga kepada negara-negara ASEAN yang lain dan juga *Organization of the Islamic Conference (OIC)*.

2. Terbaru, pada 25 September 2014, Malaysia telah mengeluarkan kenyataan di persidangan *4th Meeting of the OIC Ministerial-Level Contact Group on Rohingya Muslims in Myanmar*, New York, menyatakan bahawa Malaysia telah bersetuju untuk meningkatkan kerjasama dalam mempromosikan imej OIC yang positif bagi menjayakan program *outreach* yang dianjurkan oleh organisasi tersebut di seluruh bandar-bandar utama Myanmar melalui media tempatan dan Kerajaan Myanmar. Malaysia juga telah menyokong draf resolusi yang dicadangkan oleh Negara Arab Saudi mengesa supaya negara-negara Islam serta masyarakat antarabangsa memberikan bantuan sewajarnya kepada Kerajaan Myanmar dalam memenuhi tanggungjawabnya berkenaan isu hak asasi manusia.

Tuan Yang Dipertua,

3. Dari segi usaha pula, Malaysia merupakan salah satu negara yang dibenarkan membantu penduduk Rakhine beragama Islam dan Buddha yang telah terjejas akibat pergolakan yang berlaku. Melalui Badan-badan bukan kerajaan (NGO) iaitu MERCY Malaysia, 1Malaysia Youth Club dan Malaysian Relief Agencies (MRA), Malaysia telah menyalurkan bantuan kemanusiaan dan perubatan kepada kaum Rohingya di Myanmar. Dalam hal yang sama, Malaysia telah berkerjasama dengan *United Nations High Commissioner for Refugees* (UNHCR) dan Organisasi Antarabangsa yang lain bagi membantu masalah pelarian Rohingya untuk menghantar pulang kaum Rohingya ke Wilayah Rakhine tersebut.

4. Dengan ini, Isu Rohingya di Myanmar perlu ditangani dan diselesaikan dengan cara yang adil dan berkekalan oleh Kerajaan Myanmar. Malaysia tetap akan menyokong segala penyelesaian yang akan diambil oleh Kerajaan Myanmar sendiri tanpa campurtangan dan tekanan negara-negara luar. Ini adalah selaras dengan prinsip kita yang juga tidak mahu mana-mana negara asing mencampuri urusan dalaman negara kita.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR  
[ LEMBAH PANTAI ]**

**TARIKH : 5 NOVEMBER 2014 (Rabu)**

**SOALAN :**

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [ Lembah Pantai ] minta PERDANA MENTERI menyatakan :-**

- (a) apakah tindakan Kerajaan bagi menghentikan kenyataan berbaur perkauman yang dilakukan oleh mana-mana pihak, khususnya ISMA dan PERKASA. Nyatakan juga senarai nama mereka yang didakwa sejak 2012 hingga terkini; dan
- (b) garis masa bagi pemansuhan Akta Hasutan, berdasarkan janji Perdana Menteri pada 16 September 2012.

**JAWAPAN: PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebagaimana yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 11 Julai 2012, Kerajaan telah membuat keputusan untuk memansuhkan Akta Hasutan 1948 [Akta 15] dan menggantikan dengan suatu undang-undang baru yang dikenali sebagai Akta Keharmonian Nasional. Keputusan untuk menggantikan Akta Hasutan 1948 dibuat bagi mencari mekanisme yang dapat menentukan keseimbangan terbaik antara keperluan menjamin kebebasan bersuara setiap warganegara sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Perlembagaan Persekutuan, dengan keperluan untuk menangani kompleksiti kemajmukan yang wujud di Malaysia.
2. Sungguhpun begitu, Kerajaan amat prihatin dan mengambil maklum akan pandangan dan maklum balas yang telah diberikan oleh pelbagai pihak berhubung dengan isu pemansuhan ini.
3. Sehubungan dengan itu, YAB Perdana Menteri melalui kenyataan akhbar beliau bertarikh 12 September 2014 telah memaklumkan bahawa rundingan yang menyeluruh akan diadakan dengan semua pihak berkepentingan. Selepas proses rundingan tersebut diadakan, barulah Kerajaan akan menentukan hala tuju yang akan diambil berhubung dengan Akta Hasutan 1948.

4. Sejak tahun 2012 sehingga September 2014, seramai 20 orang (melibatkan 20 kes) telah dipertuduh di bawah Akta Hasutan 1948. Senarai nama mereka yang dipertuduh adalah seperti yang berikut:

TAHUN	JUMLAH TERTUDUH	NAMA TERTUDUH
2014	12	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Teresa Kok Suh Sim</li> <li>- R.S.N. Rayer</li> <li>- Abdullah Zaik bin Abdul Rahman</li> <li>- Gopinath Jayarathnam</li> <li>- N. Surendran</li> <li>- Sugumaran a/l Periasamy</li> <li>- Khalid bin Samad</li> <li>- Dr. Azmi Sharom</li> <li>- David Orok</li> <li>- Wan Ji bin Wan Hussein</li> <li>- Ali bin Abdul Jalil</li> <li>- Chow Mun Fai</li> </ul>
2013	8	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Chua Tian Chang (melibatkan 2 kes berbeza)</li> <li>- Tan Jye Yee dan Lee May Ling (dituduh bersama)</li> <li>- Adam Adli bin Abd Halim</li> <li>- Muhammad Safuan bin Anang</li> <li>- Tamrin bin Abdul Ghafar</li> <li>- Haris Fathillah bin Mohamed Ibrahim</li> <li>- Hishamuddin bin Md Rais</li> </ul>

2012	Tiada	-
<b>Jumlah</b>	<b>20</b>	

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DR. LEE BOON CHYE  
[ GOPENG ]**

**TARIKH : 5 NOVEMBER 2014 (Rabu)**

**SOALAN :**

**Dr. Lee Boon Chye [ Gopeng ] minta PERDANA MENTERI menyatakan pendirian Kerajaan berkenaan penggunaan perkhidmatan teksi "Uber".**

**JAWAPAN: PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak menghalang orang awam untuk menggunakan perkhidmatan Uber.
2. Ingin ditegaskan di sini bahawa perkhidmatan yang disediakan oleh Uber atau mana-mana pengendali pengangkutan awam darat haruslah mematuhi undang-undang. Adalah menjadi kesalahan bagi pengendali teksi untuk menggunakan kenderaan persendirian dan kereta sewa & pandu pelancongan bagi tujuan perkhidmatan teksi dan limosin.
3. Kerajaan membenarkan perkhidmatan Uber selagi ia mematuhi undang-undang serta menggunakan kenderaan yang mempunyai lesen yang ditetapkan.
4. Selaras dengan kemajuan teknologi maklumat masa kini, kerajaan menggalakkan penggunaan teknologi bagi mempromosikan perkhidmatan pengangkutan awam untuk manfaat pengguna, khususnya dari segi akses kepada pengangkutan awam.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN MOHAMED AZMIN ALI**

**TARIKH : 5 NOVEMBER 2014 ( RABU)**

**SOALAN :**

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah mekanisme Kerajaan memperkemaskan kerjasama antara agensi-agensi keselamatan dalam Pelan Penstrukturan Semula Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Malaysia (ESSCOM).**

**JAWAPAN : YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan penstrukturan semula ESSCOM pada 15 Julai 2014. Penstrukturan semula ESSCOM ini telah membantu dalam penyelarasan fungsi pengoperasian di ESSZONE secara lebih efektif. Maklumat yang bersepadu serta pengembelengan semua aset di bawah agensi keselamatan dan pertahanan dapat diguna pakai secara bersepadu di zon keselamatan ESSZONE. *Executive Order* No.1 ESSCOM telah memperjelaskan perkara-perkara berikut:

- a. Penyelarasan dari aspek *Command and Control* ke atas semua agensi keselamatan di zon keselamatan ESSZONE.
- b. Memperincikan fungsi dan bidang tugas Komander ESSCOM dalam aspek operasi keselamatan dan pertahanan di zon keselamatan ESSZONE secara jelas.
- c. Memperjelaskan tanggungjawab semua agensi keselamatan, pertahanan serta perisikan dalam mempertingkatkan pengoperasian di ESSZONE.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **TUAN FONG KUI LUN**  
**[ BUKIT BINTANG ]**  
**TARIKH** : **RABU, 5 NOVEMBER 2014**  
**RUJUKAN** : **L9 [ PR-1323-L63721 ]**  
**SOALAN** :

**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan berapa kedudukan permohonan untuk menyewa rumah pangsa/PPR DBKL dari pelbagai peringkat dan kategori yang masih belum ditawarkan rumah, unit rumah yang siap dan sedang dalam pembinaan serta kedudukan pembangunan semula di tapak-tapak perumahan sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Bukit Bintang, pengisian perumahan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur melibatkan program pemindahan setinggan dan permohonan awam melalui Sistem E-Perumahan. Bagi pemohon yang masih belum berkahwin permohonan boleh dibuat untuk mendiami Kompleks Belia dan Beliawanis Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Sehingga kini terdapat sejumlah 3,186 unit baki setinggan yang masih belum dipindahkan berbanding 827 unit kekosongan yang diperuntukkan bagi pemindahan ini.

Bagi permohonan awam melalui Sistem E-Perumahan sehingga **September 2014** sejumlah **48,099 pemohon** yang layak telah membuat permohonan penyewaan PPR/PA Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Daripada jumlah berkenaan, seramai **23,100 pemohon** yang mempunyai markah merit 60% ke atas layak untuk cabutan undi bagi tawaran penyewaan PPR/PA Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Jabatan telah melaksanakan 2 siri cabutan undi yang melibatkan lebih kurang 1,500 orang pemohon. Daripada jumlah berkenaan, 350 orang pemohon telah berjaya mendapatkan tawaran unit rumah PPR/PA Dewan Bandaraya Kuala Lumpur berdasarkan unit kosong yang sedia ada.

Bagi projek pembangunan rumah pangsa/PPR yang baru adalah terletak di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KKBPKT).

**NO. SOALAN: 35**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING [ KULAI ]**

**TARIKH : 5 NOVEMBER 2014**

**RUJUKAN : 7358**

**SOALAN:**

**Puan Teo Nie Ching [ Kulai ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-**

- (a) jumlah kes perdagangan manusia yang dilaporkan dan didakwa di mahkamah sejak 2010 hingga 2014 dan tindakan yang diambil terhadap "traffickers"; dan
- (b) perlindungan yang diberi kepada mangsa dan pendekatan untuk mengatasi masalah ini.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Akta Antipemerdagangan Orang 2007 telah dikuatkuasakan sepenuhnya pada 28 Februari 2008. Sejak dikuatkuasakan sehingga 30 September 2014, sebanyak 1181 tangkapan melibatkan 847 kes pemerdagangan orang telah berjaya dibuat sepanjang tempoh tersebut. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 593 kes pemerdagangan orang telah dituduh di bawah Akta ini.**

**Daripada jumlah 593 kes tersebut, 128 kes telah disabitkan oleh mahkamah. Hukuman yang telah dikenakan terhadap tertuduh adalah hukuman penjara di antara 3 hingga 10 tahun. 133 kes pula telah dilepaskan dan dibebaskan, 48 kes dilepaskan tanpa dibebaskan (DNAA) dan 285 kes masih dalam perbicaraan.**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kerajaan memandang serius isu pemerdagangan orang dan telah melaksanakan pelbagai inisiatif khususnya dari segi perundangan, penguatkuasaan, perlindungan, penjagaan mangsa serta program-program kesedaran kepada masyarakat.**

**Sebagai makluman, di bawah Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007, mangsa yang diberikan**

**perintah perlindungan tetap oleh Mahkamah akan diberikan perlindungan di rumah-rumah perlindungan Kerajaan. Setakat ini, terdapat 7 buah rumah perlindungan untuk menempatkan mangsa lelaki, wanita dan kanak-kanak.**

**Semasa di rumah perlindungan, mangsa akan menikmati faedah daripada program-program seperti berikut :**

**i) Sokongan emosi**

**Sesi terapi, kaunseling dan psikososial untuk membantu mangsa dalam membina keyakinan diri dan sebagai salah satu program pemulihan yang dikendalikan oleh kaunselor dari Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) serta Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO).**

**ii) Latihan kemahiran**

**Menjahit, mengait (knitting), memasak, berkebun, pembuatan coklat, pembuatan hiasan bunga menggunakan polimer-clay dan juga aksesori fesyen menggunakan jahitan manik. Program ini dijalankan dengan kerjasama pelbagai pihak seperti Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan pihak swasta.**

### **iii) Kelas Bahasa**

**Kelas Bahasa Inggeris untuk membantu mereka meningkatkan kemahiran komunikasi antara mereka dan juga anggota di rumah perlindungan.**

**Program ini dijalankan dengan kerjasama pelbagai pihak seperti Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), pihak swasta dan kedutaan.**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Sebagai langkah seterusnya untuk meningkatkan tahap keberkesanan kerajaan dalam menangani isu ini, termasuklah aspek perlindungan, beberapa langkah penambahbaikan seperti berikut akan dilaksanakan iaitu :-**

- (i) membuat pindaan kepada Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (ATIPSOM) 2007.**
- (ii) mengukuhkan Sekretariat MAPO bagi tujuan penyelarasan dan koordinasi Jawatankuasa-Jawatankuasa di bawah MAPO secara lebih efektif dan terancang; dan**
- (iii) menyediakan dana tahunan bagi Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan**

**Migran (MAPO) untuk melaksanakan program / aktiviti menangani jenayah pemerdagangan orang.**

**Pindaan kepada ATIPSOM 2007, pengukuhan Sekretariat MAPO dan penyediaan bajet khusus bagi program / aktiviti membanteras pemerdagangan orang adalah merupakan langkah-langkah penambahbaikan yang perlu diambil oleh Kerajaan Malaysia bagi tujuan untuk mempertingkatkan kedudukan Negara bagi tempoh penilaian oleh Jabatan Negara Amerika Syarikat (JNAS) pada tahun 2015 dan seterusnya.**

**Usaha penambahbaikan ini juga perlu dilihat sebagai bukan hanya menumpukan kepada Laporan JNAS semata-mata tetapi juga sebagai memenuhi komitmen Negara sebagai anggota kepada Protokol Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengenai Pemerdagangan Orang di bawah Konvensyen PBB mengenai Jenayah Terancang (UNTOC). Malaysia telah menganggotai Protokol ini sejak 26 Februari 2009.**

**Malaysia turut menyatakan persetujuan untuk menerima kunjungan Pelapor Khas Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengenai Pemerdagangan Orang ke Negara ini pada tahun 2015. Ini adalah ekoran daripada Proses Semakan Berkala Sejagat Kali Kedua Terhadap Rekod Hak Asasi Manusia (Universal Periodical Review – UPR) Negara di Geneva pada 21-30 Oktober 2013.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN NGA KOR MING  
(TAIPING)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 05.11.2014**

**Y.B. TUAN NGA KOR MING [ TAIPING ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan secara terperinci apakah jumlah pelaburan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) mengikut projek, jumlah hutang yang ditanggung serta prestasi pengurusan kewangan syarikat tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah nilai aset terkumpul 1MDB pada tahun berakhir 31 Mac 2013 adalah sebanyak RM44.66 bilion.

Untuk makluman dewan yang mulia ini,

1MDB menerajui projek jangka panjang untuk mengambil peluang ke atas pelaburan dan kepakaran antarabangsa bagi melabur dalam projek yang mempunyai nilai penganda yang tinggi dan berinovasi. Di antara pelaburan yang kini sedang dijalankan adalah seperti yang berikut:

#### 1. Tun Razak Exchange

Direka bentuk bagi memenuhi keperluan masa depan, pembangunan Pusat Kewangan Antarabangsa Tun Razak Exchange, contohnya dikenalpasti oleh Kerajaan Malaysia sebagai Early Entry Point dalam Program Transformasi Ekonomi untuk mencapai lebih dua kali ganda pendapatan perkapita menjelang 2020.

Projek yang dianggarkan bernilai RM26 billion dan mempunyai jangka masa pembinaan selama 15 tahun ini mempunyai visi untuk membangunkan Kuala Lumpur sebagai hub kewangan antarabangsa selaras dengan hasrat Kerajaan untuk menjadikan ia sebuah bandaraya

global.

Baru-baru ini TRX juga telah memilih syarikat hartanah dan infrastruktur antarabangsa Lend Lease sebagai rakan kongsi utama di dalam projek pembangunannya untuk TRX 'Lifestyle Quarter'. Perjanjian yang ditandatangani 1MDB Real Estate Sdn Bhd (1MDB RE) dan Lend Lease ini dijangka menarik sehingga US\$1 bilion (RM3.2 bilion) dalam bentuk pelaburan langsung asing ke Malaysia.

## 2. Pembangunan Semula Pangkalan Udara Kuala Lumpur kepada Bandar Malaysia

Bandar Malaysia pula adalah satu projek pembangunan bersepadu memajukan semula tanah Lapangan Terbang Sungai Besi yang akan menjadi ikon kepada kelestarian kehidupan di bandar Kuala Lumpur. Projek ini turut memperuntukkan sebahagian daripada keluasannya untuk membina Projek Perumahan Mampu Milik khusus kepada kumpulan eksekutif muda yang bekerja di kawasan bandar.

## 3. Sektor Tenaga

Sektor tenaga juga adalah salah satu sektor fokus 1MDB pada masa ini. Pembelian aset-aset tenaga Tanjong Energy Holdings, Genting Sanyen dan juga Jimah Energy Ventures Sdn Bhd baru-baru ini merupakan langkah bagi 1MDB ke arah memenuhi aspirasi Kerajaan untuk membina jaminan tenaga mampan dalam jangka panjang.

Konsortium 1MDB-Mitsui juga telah memenangi Projek 3B oleh Suruhanjaya Tenaga yang akan melibatkan pembinaan dan operasi 2000MW loji arang batu bersebelahan loji janakuasa Jimah di Negeri Sembilan.

1MDB kini merupakan pengeluar tenaga bebas (IPP) kedua terbesar di Malaysia dari segi kapasiti pengeluaran tenaga.

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah hutang 1MDB pada tahun berakhir 31 Mac 2013 adalah sebanyak RM36.25 bilion. Maklumat lengkap boleh diperolehi di dalam Penyata Kewangan yang telah diaudit dan dihantar kepada Suruhanjaya Syarikat

Malaysia (SSM).

Setakat ini 1MDB tidak pernah terlepas dari memenuhi obligasi jadual pembiayaan kewangannya. Kedudukan kewangan 1MDB tetap kukuh, disokong oleh aset-aset strategik yang mempunyai rekod prestasi yang terbukti di samping mempunyai peluang-peluang pertumbuhan yang utuh, seperti aset IPP dan aset hartanah strategiknya.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN HEE LOY SIAN  
[PETALING JAYA SELATAN]**

**TARIKH : 5 NOVEMBER 2014**

**SOALAN :**

**YB Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] minta PERDANA MENTERI menyatakan status terkini pencapaian hartanah Bumiputera oleh Pelaburan Hartanah Berhad sejak ia ditubuhkan dalam tahun 2006 dengan modal RM2 bilion.**

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Semenjak penubuhan Pelaburan Hartanah Berhad (PHB) pada tahun 2006, PHB telah melabur dalam pelbagai sektor hartanah dan lain-lain pelaburan dengan anggaran nilai pasaran terkini sebanyak RM6.5 bilion. Pelaburan hartanah meliputi bangunan-bangunan komersial siapsedia seperti bangunan pejabat, projek pembangunan dan tanah-tanah yang berpotensi untuk pembangunan. Manakala projek pembangunan yang telah pun disiapkan adalah seperti pembangunan kompleks membeli belah Nu Sentral dan bangunan pejabat Menara 1Sentrum, di KL Sentral, Kuala Lumpur dengan nilai pembangunan melebihi RM1 bilion.

Pada tahun 2010, PHB juga telah melancarkan dana Amanah Hartanah Bumiputera atau AHB dengan saiz dana awal sebanyak RM1 bilion. Saiz dana AHB kini telah meningkat kepada RM2 bilion dengan unit-unit habis dilanggan sepenuhnya oleh pelabur-pelabur bumiputera. Setakat ini, kadar pengagihan pendapatan AHB adalah kompetitif dengan kadar pengagihan 6.60 sen seunit telah diisytiharkan untuk tahun 2014. Jumlah pemegang-pemegang unit AHB kini berjumlah lebih 50,000 orang. PHB akan terus meningkatkan saiz dana AHB melalui pembelian dan pembangunan hartanah yang sedang dirancang. Dengan meningkatkan saiz dana AHB, lebih ramai pelabur-pelabur bumiputera (termasuk bumiputera Sabah dan Sarawak) dijangka akan dapat turut serta dalam skim AHB ini.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG  
KETIGA BELAS, PENGGAL KEDUA, MESYUARAT KETIGA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS  
[ TELOK KEMANG ]**

**TARIKH : 5 NOVEMBER 2014 (RABU)**

**SOALAN : 38**

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [ Telok Kemang ] minta PERDANA  
MENTERI menyatakan :-**

- (a) keluasan pembukaan tanah-tanah baru oleh FELDA yang dikendalikan oleh peneroka-peneroka baru selain daripada generasi kedua dalam masa 3 tahun terkini; dan
- (b) jumlah peneroka-peneroka baru yang terlibat.

**JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,**

**TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tiada pembukaan tanah-tanah baru oleh FELDA untuk peneroka-peneroka baru sejak tahun 1990. Kerajaan Pusat telah memutuskan mulai 1 Januari 1990 tiada lagi pengambilan peneroka baru di semua tanah rancangan FELDA seluruh negara.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA ANNUAR  
BIN MUSA  
[ KETEREH ]**

**TARIKH : 5 NOVEMBER 2014 (RABU)**

**SOALAN : 39**

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Annuar bin Musa [ Ketereh ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berapa jumlah penumpang yang dikendalikan Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra Kota Bharu dan berapakah kadar pertumbuhannya. Apakah terminal sedia ada mampu menanggung pertumbuhan itu.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah penumpang yang dikendalikan di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra pada tahun 2013 adalah sebanyak 1,585,238 penumpang.

Berdasarkan kepada rekod yang diperolehi daripada Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB), purata kadar pertumbuhan pergerakan trafik penumpang untuk tempoh 2009 sehingga 2013 adalah sebanyak 12.4%.

Dengan kadar pertumbuhan sedemikian, terminal sedia ada sememangnya tidak mampu untuk menampung kapasiti penumpang yang kian meningkat tersebut. Justeru Kementerian Pengangkutan bersama MAHB sedang merangka cadangan untuk menaiktaraf bangunan terminal tersebut di mana peruntukannya akan dimasukkan di dalam cadangan projek-projek di bawah Kementerian Pengangkutan di dalam RMKe-11 nanti.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S.SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN** : LISAN  
**DARIPADA** : YB DATO' NGEH KOO HAM [ BERUAS ]  
**TARIKH** : 5 NOVEMBER 2014  
**SOALAN** :

**YB Dato' Ngeh Koo Ham [ Beruas ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan untuk menolong pesakit-pesakit *Lysosomal Storage Diseases* (LSD) kerana kos yang begitu tinggi untuk rawatan Enzyme Replacement Therapy (ERT).

**Tuan Yang di-Pertua,**

Penyakit '*Lysosomal Storage Disease*' (LSD) adalah penyakit genetik, berpunca dari kekurangan enzim tertentu yang biasanya akan mengalami kerosakan organ yang teruk dan ketidakupayaan fizikal atau mental serta berakhir dengan maut. Kos rawatan bagi seorang pesakit kanak-kanak adalah antara RM500,000-RM1 juta setahun bagi pembelian ubat '*Enzyme Replacement Therapy*' (ERT).

Pihak Kerajaan telah mengambil beberapa inisiatif untuk membantu pesakit-pesakit '*Lysosomal Storage Disease*' ini di mana pada tahun 2007, pihak Kerajaan telah menyalurkan peruntukan Khas

Perbendaharaan untuk Perkhidmatan Genetik sebanyak RM15 juta kepada Institut Paediatrik Hospital Kuala Lumpur (HKL), Jabatan Patologi, HKL dan Institut Penyelidikan Perubatan untuk rawatan pesakit dan makmal genetik.

Pada November 2008, Jemaah Menteri telah meluluskan Cadangan Rawatan '*Enzyme Replacement Therapy*' (ERT) Untuk Penyakit '*Lysosomal Storage Disease*' (LSD) di Malaysia, di mana pihak Kerajaan telah menyalurkan peruntukan kewangan sebanyak RM8.5 juta pada setiap tahun semenjak tahun 2009 sehingga kini ke Institut Paediatrik, HKL untuk membiayai pembelian ubat '*Enzyme Replacement Therapy*' bagi pesakit-pesakit LSD di hospital Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Data terkini sehingga bulan Ogos 2014 adalah seramai 15 pesakit LSD sedang menerima rawatan menggunakan ERT di hospital KKM dan 15 orang pesakit lagi dalam senarai menunggu, sementara 2 orang pesakit telah menjalani *bone marrow transplantation* pada tahun 2013. Mulai tahun 2009 juga, sebanyak RM300,000.00 setahun diberikan kepada HKL untuk menjalankan perkhidmatan '*out-sourcing*' ujian genetik ke luar negara.

Memandangkan kos rawatan bagi ERT ini adalah sangat tinggi, maka satu Jawatankuasa Teknikal untuk '*Enzyme Replacement Therapy*' telah ditubuhkan pada 2008 dan dianggotai oleh pakar-pakar genetik dan neurologi dari hospital-hospital KKM dan juga hospital universiti. Jawatankuasa ini bertanggungjawab dalam meluluskan permohonan pesakit-pesakit LSD yang memerlukan rawatan ERT berdasarkan beberapa kriteria dari aspek klinikal untuk memastikan hanya pesakit yang benar-benar layak menerima bantuan ERT ini.

Penglibatan secara komprehensif dari pelbagai agensi seperti KKM, Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Kebajikan Masyarakat di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Malaysia perlu ada memandangkan rawatan yang komprehensif merangkumi segala aspek selain dari pemberian ubat *Enzyme Replacement Therapy* seperti mengadakan dana peruntukan untuk pesakit di hospital universiti dan menyediakan bantuan kerusi roda dan sebagainya untuk pesakit-pesakit yang mengalami komplikasi.

Bagi langkah jangka masa panjang, pihak Kementerian telah memohon kepada Perbendaharaan untuk mendapatkan peruntukan tambahan melalui permohonan Dasar Baru 2014/2015 bagi mendapatkan peruntukan sebanyak RM2 juta setahun bagi pembelian ubat ERT untuk pesakit-pesakit baru. Pada akhir tahun 2014 ini, pihak Kementerian akan bekerjasama dengan Pertubuhan Penyakit Lisosomal Malaysia (MLDA) untuk menganjurkan Jamuan Makan Malam Amal yang bertujuan untuk mengutip dana bagi membantu pesakit-pesakit LSD di Malaysia. Dianggarkan seramai 300-400 orang tetamu dari syarikat-syarikat korporat dan farmaseutikal akan menghadiri jamuan makan malam ini.

Langkah jangka masa panjang yang lain seperti menubuhkan *National Rare Disease Patient Registry / Database*, memantapkan proses pendaftaran dan pengimportan *Orphan Drugs* serta cadangan memasukkan komponen *Rare Disease* ke dalam *Person with Disabilities Act 2008* sedang dikaji oleh pihak Kementerian kerana ia menelan perbelanjaan yang tinggi sedangkan kos rawatan sahaja adalah tinggi dalam lingkungan RM500,000.00 hingga RM1 juta setahun untuk seorang pesakit kanak-kanak.

Pertubuhan Penyakit Lisosomal Malaysia menyatakan bahawa terdapat 23 orang lagi pesakit '*Lysosomal Storage Diseases*' (LSD) yang masih belum menerima rawatan ERT. Data ini tidak sama dengan 15 orang pesakit yang dalam senarai menunggu rawatan di HKL. Perbezaan data ini adalah kerana data dari Pertubuhan Penyakit Lisosomal Malaysia meliputi pesakit yang tidak dirujuk ke hospital KKM, dan ada juga pesakit mereka merupakan pesakit dari hospital universiti. Dana peruntukan untuk pesakit-pesakit di hospital universiti perlulah juga mendapat pembiayaan perubatan dari pihak Kementerian Pendidikan Malaysia. Alternatif lain adalah dengan merujuk pesakit-pesakit berkenaan ke Unit Tabung Bantuan Perubatan KKM untuk mendapatkan bantuan peruntukan bagi pembelian ubat.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 5 NOVEMBER 2014  
[ RABU ]**

**DARIPADA : Y.B. DATO' OTHMAN BIN AZIZ  
[ JERLUN ]**

**SOALAN :-**

**Y.B. DATO' OTHMAN BIN AZIZ [ JERLUN ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN** menyatakan langkah yang diambil oleh Kementerian bagi memastikan pelupusan sisa pepejal dan sampah sarap di kawasan luar bandar tidak hanya dibuat melalui kaedah pembakaran secara terbuka.

## **JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Akta 672) terpakai di seluruh negeri di Semenanjung Malaysia termasuk Wilayah Persekutuan Labuan. Pada masa ini, pelaksanaan penswastan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam (PSP&PA) hanya **meliputi di kawasan operasi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sahaja.**

Bagi kawasan luar bandar, pada masa ini hanya kawasan wilayah Pahang Tenggara (DARA) yang telah diambil alih perkhidmatan PSP&PA oleh syarikat konsesi Alam Flora Sdn. Bhd. Dalam jangka masa panjang, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) akan mengambil alih perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di kawasan luar bandar bagi mensekukan tahap perkhidmatan di kawasan-kawasan berkenaan.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

November 2014

**NO. SOALAN : 42**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. DR. MICHAEL TEO YU KENG [ MIRI ]**

**TARIKH : 5 NOVEMBER 2014**

**SOALAN :**

**YB. Dr. Michael Teo Yu Keng [ Miri ]** minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan langkah-langkah Kementerian menaiktaraf dan mengekalkan keindahan pantai-pantai di Sarawak, khususnya di Miri.

**JAWAPAN :**      **DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10), Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan telah memperuntukkan sebanyak **RM 35.3 juta** kepada Negeri Sarawak bagi projek-projek pembangunan infrastruktur pelancongan. Dari jumlah tersebut, sebanyak **RM 1.99 juta** telah diperuntukkan untuk daerah Miri. Manakala di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), Kementerian telah memperuntukkan sebanyak **RM169.42 juta** kepada Negeri Sarawak dan sebanyak **RM 1.13 juta** bagi pembangunan infrastruktur pelancongan di Daerah Miri.

Bagi menaiktaraf dan mengekalkan keindahan pantai-pantai di Sarawak, terutamanya Miri, Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan sejumlah **RM 5 juta** bagi Projek Naiktaraf Kemudahan Pelancongan di Pantai Bungai, Parlimen Sibuti, Miri. Projek ini adalah lanjutan daripada Lawatan *Walkabout* oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di Negeri Sarawak pada tahun 2012. Untuk makluman Yang Berhormat jua, projek ini telah bermula pada 19 Mac 2014 dan sehingga kini projek tersebut telah mencapai 43.2% pelaksanaan dan dijangka siap pada 18 September 2015.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH  
[SETIU]**

**TARIKH : 5 NOVEMBER 2014 (RABU)**

**SOALAN :**

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [ Setiu ] minta MENTERI  
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT  
menyatakan jumlah kanak-kanak Autisme yang telah direkodkan di  
negeri Terengganu serta jenis bantuan yang disediakan bagi kanak-  
kanak tersebut.**

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Kanak-kanak Autisme didaftarkan sebagai orang kurang upaya (OKU) di bawah kategori masalah pembelajaran oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mengikut Seksyen 21 Akta Orang Kurang Upaya 2008. Hingga bulan September 2014, di negeri Terengganu, seramai 123 kanak-kanak autisme telah berdaftar dengan JKM melalui Sistem Maklumat Orang Kurang Upaya (SMOKU).

Tuan Yang Dipertua,

Bagi keluarga yang mempunyai anak OKU termasuk autisme, JKM telah menyalurkan pelbagai perkhidmatan pemulihan menerusi Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK). Untuk makluman, PDK merupakan salah satu program pemulihan dan intervensi awal yang melibatkan pembabitan secara aktif ibu bapa / penjaga ahli keluarga golongan OKU dan komuniti setempat untuk membantu OKU hidup berdikari dan diintegrasikan dalam masyarakat. Pada tahun 2014 sebanyak RM94.1

juta telah diperuntukkan kepada 508 buah PDK di seluruh negara dan daripada jumlah itu, 45 buah PDK adalah di negeri Terengganu.

**SIDANG DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)**

---

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **YB TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD**  
**[ BUKIT GANTANG ]**

**TARIKH** : **5 NOVEMBER 2014**

**SOALAN** : **44**

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan :

- a) berapakah Kerajaan membelanjakan wang untuk projek inovasi; dan
- b) apakah contoh hasil inovasi yang dijual ke negara luar.

**JAWAPAN :**

**Tuan Yang di-Pertua**

Sebagai makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, MOSTI ada menyediakan dana yang dikenali sebagai InnoFund, bertujuan untuk pembangunan atau penambahbaikan produk baru atau sedia ada, proses atau perkhidmatan dengan unsur-unsur inovasi. InnoFund boleh dikategorikan kepada Enterprise InnoFund (EIF) dan Community InnoFund (CIF) dan kelayakan untuk memohon adalah terbuka kepada individu, syarikat milikan tunggal, syarikat mikro dan syarikat kecil yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia. Penyertaan juga

terbuka kepada persatuan, pertubuhan, NGO berdaftar, koperasi berdaftar dan JKK yang berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan (ROS).

Di sepanjang RMKe-9, sejumlah RM 168.05 juta telah diluluskan melibatkan 365 projek dan bagi RMKe-10 sehingga Ogos 2014 sejumlah RM14.36 juta telah diluluskan melibatkan 54 projek menerusi dana ini.

### **Tuan Yang di-Pertua,**

Berhubung soalan berkaitan contoh inovasi yang dijual ke negara luar, sehingga kini, terdapat banyak produk yang telah bangunkan dengan menggunakan dana R&D MOSTI dan telah berjaya menembusi pasaran tempatan dan luar negara. Pencapaian produk-produk tersebut serta syarikat-syarikat Malaysia dalam menembusi pasaran antarabangsa merupakan satu kejayaan kepada Malaysia. Pemasaran produk ke persada antarabangsa telah dapat membantu meningkatkan nilai eksport pendapatan negara dan menunjukkan kepada dunia bahawa produk inovasi dan R&D bahawa Malaysia juga mempunyai keupayaan, daya saing serta standard piawaian antarabangsa.

Demografi pasaran produk Malaysia telah mendapat permintaan dari negara-negara di Asia Tenggara, Asia Timur, Timur Tengah serta Eropah dan Amerika. Antara contoh produk yang telah berjaya dikomersilkan ke luar negara ialah:-

1. Produk "**7.5kW Variable Voltage Variable Frequency (VVVF) Inverter Drive System and Supporting Controllers**" oleh MS Elevators Sdn Bhd yang mempunyai nilai jualan sebanyak RM366

juta Produk ini telah berjaya dipasarkan ke Australia, Negara-negara Timur Tengah dan Negara-negara di Asia Tenggara.

2. ***"Locally Developed R&D in Preservation Standardisation and Enhancement Plastics Properties in order to Produce Standardised Base Blend and High Performance Plastic Resins"*** oleh Heng Hiap Industries Sdn Bhd yang mempunyai nilai jualan sebanyak RM145 juta Produk ni mendapat permintaan dari United Kingdom Australia, Germany, Holland, Africa, Korea, India, Amerika Syarikat dan Negara Jepun.
3. ***"Downstream Tilapia Processing (Gilled, Gutted, and Scaled) and Restructured Fish Fillet Using Individual Quick Freezing With Glazing Technology"*** yang dikomersilkan oleh Ambang Wibawa Sdn Bhd ke Korea ke beberapa buah negara di Timur Tengah dengan nilai jualan sebanyak RM28 juta.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB. DATUK BUNG MOKTAR BIN RADIN  
KAWASAN : KINABATANGAN  
TARIKH : 5.11.2014 (RABU)  
NO. SOALAN : 45

YB. DATUK BUNG MOKTAR BIN RADIN minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan tentang dasar serta perancangan jangka pendek dan jangka panjang kerajaan yang menghadkan perniagaan import bahan-bahan terkawal secara monopoli.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) tidak mengeluarkan Lesen Import bagi barangan kawalan secara monopoli. Lesen Import bagi barangan kawalan yang dikeluarkan oleh Kementerian ini adalah seperti gula dan tepung gandum yang diluluskan kepada syarikat-syarikat yang layak dan bukan secara monopoli.

Sebagai contoh, kelulusan yang diberikan ke atas tepung gandum hendaklah tertakluk kepada pematuhan Malaysia Standard 85 (MS85) bagi menjamin kualiti tepung yang diimport. Manakala bagi barangan kawalan gula pula, kelulusan diberikan tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan dibawah dasar sedia ada.

Tuan Yang Di Pertua,

Kenyataan yang mengatakan bahawa Kerajaan mengehendkan perniagaan import bahan-bahan terkawal secara monopoli adalah tidak berbangkit. Ini adalah kerana proses bagi mendapatkan kelulusan mengimport dilaksanakan mengikut kaedah dan prosedur yang telah ditetapkan dan diberikan kepada syarikat-syarikat yang layak dan memenuhi kriteria yang ditetapkan.

**NO. SOALAN : 46**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN DEWAN  
RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI HASBI BIN HAJI HABIBOLLAH  
[LIMBANG]**

**TARIKH : 05.11.2014**

**RUJUKAN : 7183**

**SOALAN:**

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [ Limbang ] minta MENTERI  
DALAM NEGERI menyatakan bilakah Kerajaan akan menguatkuasakan  
Akta SOSMA 2012 ke seluruh negara untuk menangani ancaman-  
ancaman dari dalam negara dan luar negara.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah pun menguatkuasa Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 atau SOSMA sejak 31 Julai 2012 sebagaimana warta P.U. (B) 256/2012 untuk menangani ancaman-ancaman dari dalam dan luar negara.**

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN** : LISAN

**DARIPADA** : **Dato' Seri Tiong King Sing**  
[ Bintulu ]

**TARIKH** : **5 NOV 2014**  
( RABU )

**SOALAN:**

**Dato' Seri Tiong King Sing**

[ Bintulu ] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan :-

- a) Apakah status dan perkembangan kerja pendalaman muara sungai di Sungai Sibiyu (*deepening work*) dan Sungai Kemena (*dredging work*) yang telah sekian lama tertangguh; dan
- b) Apakah pihak Kementerian mempunyai rancangan jangka masa panjang yang teliti dan berkesan untuk mengatasi masalah banjir kilat yang sering kali melanda Bandar Bintulu terutamanya selepas hujan lebat.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Kerja-kerja mendalamkan Sg. Sibiyu, Bintulu, sedang dilaksanakan. Status kemajuan fizikal projek tersebut sehingga 25 September 2014 adalah 40%. Projek tersebut telah bermula pada 29 Ogos 2014 dan dijadualkan siap pada 28 November 2014.

Bagi kerja mendalamkan Muara Sungai Kemena, Bintulu, Sarawak, Kementerian peka dengan masalah kecetekan Muara Sungai Kemena yang menyebabkan kesukaran kepada penduduk tempatan. Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) merancang untuk melaksanakan projek pengorekan dan pemuliharaan Muara Sungai Kemena berdasarkan hasil kajian yang akan dilaksanakan, bergantung kepada kelulusan peruntukan yang secukupnya. Pelaksanaan kerja-kerja fizikal akan dilaksanakan selepas kajian dijalankan.

- (b) Tanggungjawab menyedia, membina, mengoperasi dan menyelenggara sistem saliran dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah di bawah tanggungjawab PBT yang berkenaan, bersesuaian dengan Seksyen 50, Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133). Oleh yang demikian, bajet dan tindakan mengoperasi, menyelenggara dan memulihara sistem saliran hendaklah diusahakan oleh PBT/ Kerajaan Negeri masing-masing.

Sehubungan itu, bagi masalah banjir kilat di Bandar Bintulu, Kementerian mencadangkan agar Ahli Yang Berhormat merujuk kepada Lembaga Kemajuan Bintulu (BDA) kerana kesemua sistem saliran di bandar berkenaan adalah di bawah tanggungjawab BDA.

Walau bagaimanapun, NRE melalui JPS sentiasa memberikan kerjasama bagi memberi khidmat nasihat teknikal dalam mencari kaedah penyelesaian bagi mengatasi masalah banjir kilat yang dihadapi di kawasan Bintulu.

Sekian, terima kasih.